

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"OLEH itu, janganlah latih diri mengamalkan rasuah, tetapi perangilah rasuah secara habis-habisan. Selamatkan bangsa dan negara dari rasuah. Rasuah adalah penyakit. Rasuah adalah pemusnah kebahagiaan".
- Titah Khas Sempena Keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong pada 10 Jamadilakhir 1436H/ 31 Mac 2015M.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

قائيتو

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN sesungguhnya Allah Pemberi petunjuk bagi orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Hajj, ayat 54.

Waktu Sembahyang

Table with prayer times: IMSAK 4.50, SUBUH 5.00, SYURUK 6.18, DUHA 6.40, ZUHUR 12.24, ASAR 3.26, MAGHRIB 6.28, ISYAK 7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 41

5 APRIL 2021 / 1442 شعبان 22

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

KETIBAAN PM MALAYSIA BAGI LAWATAN RASMI



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Yang Amat Berbahagia Puan Sri Noorainee Abdul Rahman serta rombongan bagi Lawatan Rasmi selama dua hari dan Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-23 di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.
- Foto : Masri Osman (Lihat muka 2 dan 3).



BRUNEI DARUSSALAM 2021

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

Kurangkan risiko komplikasi teruk

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Pada masa ini, penyelidikan sedang dilakukan jika vaksin-vaksin dapat mencegah COVID-19 namun tujuan utama adalah untuk mengurangkan risiko komplikasi teruk yang mungkin perlu dirawat di ICU atau kejadian yang menyebabkan kematian.

Dalam masa yang sama, keyakinan bahawa vaksin ini akan dapat melindungi semua orang dan juga akan dapat mencegah terjadinya komplikasi yang teruk.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa Pelaksanaan Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 di seluruh negara di mana bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di sini.

Menurut Yang Berhormat, orang yang berisiko tinggi adalah orang yang berumur 60 tahun ke atas yang mempunyai penyakit kronik seperti diabetes, penyakit buah pinggang dan lain-lain malah mereka perlu dilindungi dengan vaksinasi dan tergantung pada jenis vaksin.

Ke muka 7

Lantikan TSUT baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 April. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, di Divisyen Pelaburan dan Undang-Undang, Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (TSUT) (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Isnin 22 Syaaban 1442 bersamaan 5 April 2021.

Sembahyang Sunat Tarawih di masjid dibolehkan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memaklumkan bahawa pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa pada bulan Ramadan

tahun ini Sembahyang Sunat Tarawih dan lain-lain aktiviti seperti Bersungkaik, Bertadarus Al-Quran dan Qiamullail bagi jemaah-jemaah masjid adalah dibolehkan.

Begitu juga bagi rombongan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta serta persatuan-persatuan untuk sama-sama memakmurkan masjid.

Ke muka 13

Berita Utama

PROJEK Rintis 5G dilancarkan Muka 8

BERANI cuba lakukan sesuatu Muka 27

STATISTIK COVID-19 NEGERA BRUNEI DARUSSALAM
Maklumat setakat 4 APRIL 2021, 12.00 tengah hari
214 Jumlah kes jangkitan
115,503 Jumlah keseluruhan ujian makmal (sejak Januari 2020)
3 Jumlah kematian
16,081 Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
197 Jumlah kes yang sembuh
14 Kes aktif

Ketibaan PM Malaysia bagi Lawatan Rasmi



Oleh : Aimi Sani

Foto : Masri Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Ahad, 4 April. - Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Yang Amat Berbahagia Puan Sri Noorainee Abdul Rahman serta rombongan tiba di Bandar Seri Begawan, petang ini bagi Lawatan Rasmi selama dua hari dan Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-23 di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengalu-alukan ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Ke muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Yang Amat Berbahagia Puan Sri Noorainee Abdul Rahman serta rombongan (atas dan kanan).



WAKTU SEMBAHYANG

APRIL MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
5	ISNIN	22	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.28	7.38
6	SELASA	23	4.50	5.00	6.17	6.40	12.24	3.27	6.28	7.38
7	RABU	24	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
8	KHAMIS	25	4.49	4.59	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38
9	JUMAAT	26	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	SABTU	27	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
11	AHAD	28	4.47	4.57	6.15	6.38	12.22	3.29	6.28	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	30 25 °C	32 25 °C	30 25 °C
Pekan Bangar	30 24 °C	31 24 °C	30 24 °C
Pekan Tutong	30 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
Kuala Belait	30 25 °C	31 24 °C	31 25 °C

Wallahualam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

5 APRIL 2021

KEMANISAN SIFAT REDA

FIRMAN Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nisa', ayat 65 yang tafsirnya: "Maka demi Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad), mereka itu tidak beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul antara mereka kemudian mereka tidak berasa keberatan dalam hati mereka terhadap apa yang engkau telah putuskan dan mereka menerima keputusan itu dengan penuh kerelaan".

Sifat reda adalah asas yang membentuk jati diri manusia dan penyempurnaan iman. Tidak lengkap Islam seseorang tanpa sifat reda kepada Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama dan Nabi Muhammad sebagai Nabi dan Rasul. Hakikatnya, sifat reda menjadikan seseorang Muslim itu merasai kemanisan iman.

Orang yang reda sentiasa mendekatkan dirinya kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi perkara yang mendatangkan kemurkaan-Nya. Dalam hal ini, menjadi hak Allah untuk memilih yang terbaik dalam kalangan hamba-Nya yang terbaik. Oleh itu, jangan dikeluh-kesah sempitnya rezeki kerana yang memberi rezeki itu adalah Allah.

Kita tidak menafikan, memang ada dalam kalangan kita yang keadaannya fakir atau miskin, tetapi itu mungkin merupakan yang terbaik baginya daripada menjadi kaya raya. Mungkin kefakirannya itu, merupakan peluang untuknya memperbaiki diri dan lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Manakala kemewahan pula menyebabkannya lalai lantas merosakkan kehidupannya. Begitulah juga dengan ujian kekayaan, kesihatan, kesakitan, kejayaan, kegagalan dan sebagainya. Apa juga bentuknya, kita wajib beriman dan reda di atas segala ketentuan Allah sama ada kita suka atau tidak. Inilah indikator keimanan yang ditentukan oleh Allah dan sudah pasti hikmahnya kembali untuk kebaikan kita.

Untuk memastikan kemanisan sifat reda ini tercapai, maka antara langkah-langkah terapi diri yang disarankan ialah pertama, mengamalkan sifat Qanaah (sikap berpuas hati dengan apa yang ada) terhadap nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Kedua, mengamalkan sikap *mujahadah an-nafs* (menahan diri daripada menurut keinginan nafsu) agar kita sentiasa istiqamah dalam melakukan ketaatan dan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ketiga, selalu melihat kepada orang yang lebih susah daripada kita dan keempat, perbanyakkan doa dan merendahkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar menjadikan kita sentiasa mempunyai sifat reda.

Sesungguhnya, insan yang berhati reda akan memperoleh kelapangan hati, bersikap bersangka baik, jauh dari sifat iri hati, hasad dengki dan sikap tamak bahkan memiliki iman yang teguh dan amal soleh yang berkualiti. Di samping itu juga, Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikannya jalan keluar daripada setiap kesulitan yang dihadapi. - **Ketua Penyuntingan (Hi)**



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat ke LTAB bagi mengalu-alukan ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan isteri serta rombongan (atas dan kiri).

Yang Amat Berhormat kemudiannya beredar memeriksa Perbarisan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia seterusnya diperkenalkan kepada Menteri-menteri Kabinet; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pemerintah ABDB; Ketua-ketua Perwakilan Asing di NBD dan Setiausaha-setiausaha Tetap di JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Rombongan Yang Amat Berhormat termasuk Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein serta Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Malaysia.

Semasa Lawatan Rasmi ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri serta rombongan dijangka akan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Istana Nurul Iman esok, di mana akan diteruskan dengan Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan

Kali Ke-23 antara kedua-dua pemimpin tersebut.

Kali terakhir Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan antara NBD dan Malaysia diadakan adalah pada 5 Mac 2019 di Putrajaya, Malaysia.

Selain itu, lawatan Yang Amat Berhormat ini adalah merupakan Lawatan Rasmi pertama daripada pemimpin luar ke NBD sejak tercetusnya pandemik COVID-19 pada awal tahun 2020.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein (atas). Sementara gambar kiri, ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan isteri serta rombongan. Manakala gambar bawah, Yang Amat Berhormat semasa memeriksa Perbarisan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Dari muka 2

Juga hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Yang Amat Berhormat dan isteri ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring dan Datin.

Turut berada di lapangan terbang bagi mengalu-alukan ketibaan delegasi Malaysia ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Pengiran Datin; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Pengiran Datin; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw dan Datin serta Kuasa Usaha Sementara, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di NBD, Puan Nadia Azura Mohd. Nudri.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berangkat bersama Yang Amat Berhormat ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat yang diiringi dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara.



BERANGKAT SAKSIKAN KEJOHANAN RENANG KUMPULAN UMUR BRUNEI KE-28



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat pada Kejohanan Renang Kumpulan Umur Brunei Ke-28 pada sebelah pagi.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin,
Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Ahad, 4 April. - Pengiran Haji Salleh Ab. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Renang Kumpulan Umur Brunei

Ke-28 (28th Brunei Age Group Swimming Championships), pada sebelah pagi, yang berlangsung di Kolam Renang Kebangsaan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.

Juga berangkat ke kejohanan tersebut, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

Pada kejohanan di hari ketiga, di sebelah pagi itu, YTM Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah yang mewakili Mabohai Swimming Club berjaya meraih tempat ketiga dalam Kategori Perenang Perempuan Berumur 10 hingga 11 Tahun bagi Acara 100 Meter Kuak Lentang dengan catatan masa 1 minit 44.96 saat.

Sementara itu, pada sebelah petang, berangkat ke kejohanan tersebut, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, YTM Pengiran Muda

'Abdul Muntaqim; YTM Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; YTM Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan YTM Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Pada kejohanan itu, YTM Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, yang mewakili Mabohai Swimming Club berkenan menyertai Kategori Perenang Perempuan Berumur 7 Tahun Ke Atas bagi Acara 50 Meter Kuak Dada, dengan catatan masa 55.72 saat.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin.

Kejohanan Renang Kumpulan Umur Brunei Ke-28 dianjurkan oleh Persatuan Renang Amatir Brunei (BASA) dengan sokongan Jabatan Belia dan Sukan, KKBS, disertai oleh seramai 245 perenang, terdiri daripada sembilan buah pasukan renang, iaitu pasukan Brunei Speed Swimming Club; Dolphin Swimming Club; H2o ToleranT; Hammerheads Swimming Club; Jerudong Swimming Club; Kbpiranha Swimming Team; Life Skill Swim School; Mabohai Swimming Club; dan P.S.I Swimming Club.

Kejohanan Renang Kumpulan Umur Brunei Ke-28 itu dianjurkan oleh BASA dengan sokongan Jabatan Belia dan Sukan, KKBS.



ANAKANDA-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah ketika berkenan berangkat ke kejohanan tersebut pada sebelah petang (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir menyaksikan kejohanan berkenaan.



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah semasa berangkat menyertai kejohanan berkenaan pada sebelah pagi dan petang (atas sekali dan atas).

BERANGKAT BERI SOKONGAN KEPADA YTM

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama anakanda-anakanda berkenan berangkat menyaksikan Kejuhanan Renang Kumpulan Umur Brunei Ke-28.

kedua kejohanan bagi sesi sebelah petang yang berlangsung di Kolam Renang Kebangsaan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyertai kejohanan tersebut, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

Juga berangkat menyaksikan kejohanan tersebut, anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Dalam kejohanan tersebut, YTM Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah yang mewakili Mabohai Swimming Club menyertai dua kategori bagi perenang perempuan berumur 10 tahun hingga 11 tahun, iaitu Kategori Gaya Bebas 50 Meter dengan catatan masa 40.7 saat dan Kategori Kuak Dada 100 Meter dengan catatan masa 2 minit 1 saat.

Seramai 245 perenang menyertai kejohanan tersebut yang terdiri daripada sembilan buah pasukan renang, iaitu pasukan Brunei Speed Swimming Club; Dolphin Swimming Club; H2o ToleranT; Hammerheads Swimming Club; Jerudong Swimming Club; Kbpiranha Swimming Team; Life Skill Swim School; Mabohai Swimming Club; dan P.S.I Swimming Club.

BERAKAS, Sabtu, 3 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Kejuhanan Renang Kumpulan Umur Brunei Ke-28 (28th Brunei Age Group Swimming Championships) pada hari



BERANGKAT menyertai kejohanan tersebut, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah (atas). Manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir menyaksikan kejohanan tersebut.



COVID-19 : 14 kes masih dirawat

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah kekal seramai 214 orang. Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 333 hari jangkitan tempatan COVID-19 sejak

laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 73 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, alhamdulillah, 14 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 197 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD,

di mana seramai 472 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 16,081 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 423 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 115,503 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



Cawangan baharu Home Suite Home dirasmikan



YANG Di-Pertua MMN bersama Datin semasa meninjau barang yang dijual di kedai tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Home Suite Home yang terdahulu, terletak di Kiulap, membuka rasmi cawangan baharunya, di Tingkat 1, Gadong Properties Center, Jalan Gadong baru-baru ini.

Perasmian tersebut disempurnakan bersama oleh Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib; dan Pemilik Syarikat Home Suite Home, Awang Haji Md. Izman bin Haji Md Junaidi.

Diusahakan bersama oleh pemilik baharunya, pasangan suami isteri, Awang Haji Md. Izman bin Haji Md. Junaidi dan Dayang Liyana Imani Abdul Latif sejak Julai 2020, Syarikat Home Suite Home,



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersama Pemilik Syarikat Home Suite Home, Awang Haji Md. Izman bin Haji Md. Junaidi merasmikan Home Suite Home, terletak di Tingkat 1, Gadong Properties Center, Jalan Gadong.

yang juga selaku pengedar rasmi Simmons Mattresses dan kerusi LazBoy Recliner Brunei, dibuka setiap hari, dari 9.00 pagi hingga 6.00 petang.

Selain itu, pasangan suami isteri ini juga merupakan Pengusaha dan Pemilik Eat Well Co.; Lily Imani Enterprise; dan MegaTrans Sdn. Bhd.

HARI KESEDARAN AUTISME SEDUNIA DIRAIKAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (The United Nations General Assembly) mengisytiharkan setiap 2 April sebagai Hari Kesedaran Autisme Sedunia (WAAD).

Setiap tahun, sejak tahun 2008, Persatuan Bagi Autisme Dalam Latihan, Pendidikan dan Sumber Brunei Darussalam (SMARTER) Brunei tidak pernah ketinggalan untuk menyambut sambutan tersebut.

Pada tahun ini, SMARTER Brunei meraikan sambutan tersebut dengan menyalakan lampu berwarna biru di Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Jalan Residency, di ibu negara.

Gerakan 'Light it Up' (Light It Up Movement) adalah gerakan yang disambut secara global yang menyaksikan monumen atau mercu tanda terkenal di seluruh dunia dinyalakan khusus bagi memperingati dan meraikan sambutan tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan seterusnya menyempurnakan pelancaran Sambutan WAAD yang diadakan baru-baru ini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sempena WAAD pada tahun ini, SMARTER Brunei juga melancarkan buletin digital mereka bertajuk 'E-Pitah'. Buletin Edisi Ke-14 yang dilancarkan ini boleh diakses melalui laman sesawang mereka untuk membantu meningkatkan lagi kesedaran dan bertindak sebagai alat untuk memastikan bahawa maklumat yang relevan, nyata dan tepat disampaikan kepada semua orang.

PITAH dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu 'P' untuk Pengalaman Peribadi, 'I' untuk Inovasi dan Idea, 'T' untuk Latihan, 'A' untuk Pencapaian dan 'H' untuk

Talian Bantuan.

Terdahulu, Yang Dipertua SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, SMARTER Brunei percaya, Hari Kesedaran Autisme Sedunia bukan hanya mengenai kesedaran, tetapi ia juga hendaklah menerima (*acceptance*) dan yang paling penting adalah Hari Tindakan (Action Day).

Oleh itu jelasnya, SMARTER Brunei kini menyambut Hari Kesedaran, Penerimaan dan Tindakan Autisme Sedunia.

Beliau menambah, SMARTER Brunei dalam 20 tahun kewujudannya mengetahui betapa pentingnya kesedaran, namun kesedaran sahaja tidak akan mencukupi. Setiap program kesedaran yang dijalankan mesti dan harus merangkumi komponen penerimaan yang membangkitkan dan memastikan bahawa hak semua individu dengan autisme ditegakkan.

Dengan perkembangan SMARTER Brunei untuk terus bergerak maju dan sentiasa melihat ke hadapan ujarnya, sambutan malam ini membawa kenangan manis dengan pelancaran E-Pitah.

"Dengan mendigitalkan PITAH, ia bukan sahaja dapat diakses di Negara Brunei Darussalam, tetapi juga di seluruh dunia. Kami berharap agar SMARTER Brunei akan dapat mempamerkan kejayaan luar biasa yang telah kami capai dengan sokongan daripada semua pihak dan mengongsikan kepada dunia luar bahawa Brunei mempunyai salah sebuah pusat terbaik bagi autisme," ujarnya menambah.

Selepas pelancaran tersebut, Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menyaksikan pameran daripada SMARTER Brunei.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Ahli Majlis Mesyuarat



YANG Berhormat Menteri Pembangunan (kanan) dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan pelancaran Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia (WAAD).

Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan

Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyaksikan pameran.



SMARTER Brunei meraikan sambutan tersebut dengan menyalakan lampu berwarna biru di Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Jalan Residency.

Kurangkan risiko komplikasi teruk



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa ditemu bual.

Dari muka 1

"Sebilangan vaksin akan diberikan kepada wanita hamil sementara yang lain adalah tidak, tergantung kepada vaksin yang akan diberikan. Bagi barisan hadapan, penjagaan kesihatan, polis, anggota berpakaian seragam dan Juruterbang RB, mereka perlu dilindungi malah Kementerian Kesihatan akan berusaha mendapatkan seribu dos lagi untuk diberikan. Seterusnya, vaksinasi warga emas juga akan bermula pada bulan ini," jelas Yang Berhormat.

Pada hari ini juga, tambah Yang Berhormat, dos Vaksin COVID-19, Sinopharm dan AstraZeneca akan diberikan kepada semua para barisan hadapan (*frontliners*).

Seterusnya, Kementerian Kesihatan sangat menggalakkan

orang ramai untuk melakukan vaksinasi kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima dos pertama Vaksinasi COVID-19.

"Saya harap akan dapat mencapai 70 peratus imuniti *herd* kerana dalam 70 peratus itu akan membantu memberi imuniti *herd* dan ini adalah tujuan utama Kementerian Kesihatan di mana jika dapat mencapai 70 peratus adalah lebih baik," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat berharap orang ramai akan lebih yakin dan tampil untuk diberi vaksin dan pada ketika ini, kita masih perlu hidup dalam norma baharu, data vaksin menunjukkan bahawa ia hanya dapat mengurangkan risiko komplikasi teruk.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

"Tidak ada data yang menunjukkan individu yang divaksinasi tidak akan mendapat virus. Terdapat kajian berterusan yang menyatakan ia dapat mencegah virus namun ia masih merupakan kajian kecil," jelas Yang Berhormat.

Melalui vaksinasi, terang Yang Berhormat, tidak bermaksud kita boleh melakukan apa sahaja yang kita mahukan. Jika kita pergi ke negara berisiko tinggi, masih perlu mengamalkan kebersihan yang baik dan sentiasa memakai sungkup muka.

"TIDAK ada data yang menunjukkan individu yang divaksinasi tidak akan mendapat virus. Terdapat kajian berterusan yang menyatakan ia dapat mencegah virus namun ia masih merupakan kajian kecil".

PROGRAM VAKSINASI KEBANGSAAN COVID-19 BERMULA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa bergambar ramai selepas menerima suntikan dos pertama Vaksin COVID-19 (atas), manakala gambar bawah, Yang Berhormat menerima suntikan dos pertama Vaksin COVID-19 di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menerima suntikan dos pertama Vaksin COVID-19 di

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan ia menandakan bermulanya secara rasmi Pelaksanaan Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 di seluruh negara.

Pada sesi pagi bagi Program Vaksinasi Kebangsaan COVID-19, seramai lebih 340 orang termasuk Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan serta pegawai-pegawai yang terdiri daripada petugas barisan hadapan (*frontliners*).

Sepertimana kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan sebelum ini, pada peringkat awal ini, petugas-petugas di fasiliti-fasiliti kesihatan akan diberikan Vaksin COVID-19 terlebih dahulu.

Pemberian vaksin berkenaan akan dilaratkan kepada petugas-petugas barisan hadapan yang terdiri daripada anggota-anggota beruniform seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), petugas-petugas yang berkaitan dengan kuarantin dan yang terlibat di Pos-pos Kawalan seperti Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, para

sukarelawan, krew kabin dan lain-lain lagi. Seramai kira-kira 2,000 lebih petugas barisan hadapan akan menerima Vaksin COVID-19.

Bagi mereka yang di dalam Fasa Satu, yang terdiri daripada individu yang berumur 60 tahun ke atas, Fasa Dua dan Fasa Tiga, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama daripada orang ramai untuk menunggu giliran yang akan dimaklumkan kemudian.

Orang ramai adalah juga disarankan untuk tidak mengunjungi pusat-pusat vaksinasi pada masa ini dan Kementerian Kesihatan akan maklumkan orang ramai bagi pembukaan tempahan vaksin-vaksin mengikut peringkat-peringkat pelaksanaan.

Sementara menunggu pembukaan tempahan perjanjian bagi vaksin, orang ramai disarankan untuk mengesahkan akaun BruHealth masing-masing dan memastikan maklumat peribadi di dalam Bru-HIMS dikemaskinikan untuk memudahkan tempahan Vaksinasi

COVID-19 nanti.

Vaksinasi merupakan langkah yang paling efektif untuk melindungi diri sendiri, orang yang tersayang, dan juga masyarakat daripada kesan bahaya COVID-19.

Walau bagaimanapun, ia adalah penting bagi orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti mengamalkan kebersihan diri, etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa.


Orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk tidak keluar rumah jika merasa kurang sihat serta mengelakkan daripada mengunjungi tempat-tempat yang penuh sesak.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn dan ikuti media sosial Kementerian Kesihatan @mohbrunei atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menerima suntikan dos pertama Vaksin COVID-19 di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

PADA sesi pagi bagi Program Vaksinasi Kebangsaan COVID-19, seramai lebih 340 orang termasuk Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan serta pegawai-pegawai yang terdiri daripada petugas barisan hadapan (*frontliners*).



PROJEK RINTIS 5G DILANCARKAN



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa penyerahan Laporan 5G Taskforce daripada Pemangku Ketua Eksekutif AITI dan Pengerusi Taskforce 5G, Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menyaksikan pameran yang diadakan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Sabtu, 3 April. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof melancarkan Projek Rintis 5G, bertempat di The Mall, Gadong.

Projek Rintis 5G dilaksanakan seperti yang ditugaskan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan dipelopori oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dengan penglibatan infrastruktur telekomunikasi dan penyediaan perkhidmatan serta pelbagai pihak berkepentingan industri.

Projek Rintis 5G bermatlamat untuk menyokong objektif strategik dan keutamaan di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang akan dilaksanakan mulai bulan April 2021 ini.

Selain itu, projek tersebut juga bertujuan untuk menunjukkan persekitaran rangkaian 5G Proof-of-Concept dan mempromosikan nilai komunikasi mudah alih 5G yang berkecepatan tinggi dan memberi kesedaran dalam mempercepat penggunaan 5G.

Sehubungan itu, bermula 3 hingga 7 April 2021, orang ramai boleh mengunjungi petak yang menampilkan Projek Rintis 5G dan merasakan pengalaman



peningkatan ketara yang dapat dibawa oleh 5G.

Projek perintis ini adalah kesinambungan daripada siri aktiviti dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai teknologi 5G yang berpotensi untuk ditingkatkan produktiviti, meningkatkan pengalaman maya dan membawa kita ke tahap digitalisasi, dan seterusnya ke arah merealisasikan aspirasi untuk Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai Smart Nation.

The Mall, Gadong adalah salah satu daripada lima lokasi strategik bagi Projek Rintis 5G dan rangkaian Proof-of-Concept mengambil tempat.

Lokasi lain, termasuk liputan luar di Airport Mall, Mulia Hotel dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) serta liputan dalaman di Design and Technology Building dengan pengaktifan projek rintis ini akan dilaksanakan secara berperingkat.

AITI dengan kerjasama Taskforce 5G Negara Brunei Darussalam juga mengadakan upacara penyerahan Laporan 5G

Taskforce.

Pasukan petugas dibentuk pada bulan Mac 2020 yang bertujuan untuk memfasilitasi pelaksanaan 5G, selain memastikan kesediaannya melalui penerokaan model perniagaan industri yang kukuh dan

■ **PROJEK Rintis 5G dilaksanakan seperti yang ditugaskan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan dipelopori oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dengan penglibatan infrastruktur telekomunikasi dan penyediaan perkhidmatan serta pelbagai pihak berkepentingan industri.**

■ **PROJEK Rintis 5G bermatlamat untuk menyokong objektif strategik dan keutamaan di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang akan dilaksanakan mulai bulan April 2021 ini.**

■ **BERMULA 3 hingga 7 April 2021, orang ramai boleh mengunjungi petak yang menampilkan Projek Rintis 5G dan merasakan pengalaman peningkatan ketara yang dapat dibawa oleh 5G.**

■ **THE Mall, Gadong adalah salah satu daripada lima lokasi strategik bagi Projek Rintis 5G dan rangkaian Proof-of-Concept mengambil tempat.**

Ekonomi negara kembali mencatatkan pertumbuhan positif



SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa berucap.

TUNGKU LINK, Sabtu, 3 April. - Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan kemajuan yang ketara.

Setelah pertumbuhan negatif selama empat tahun berturut-turut, antara tahun 2013 dan tahun 2016, ekonomi negara kembali mencatatkan pertumbuhan positif untuk empat tahun berturut-turut selepas itu.

Walaupun dengan penularan pandemik COVID-19, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) NBD meningkat sebanyak 1.2 peratus pada tahun lepas dengan 9 peratus adalah disumbangkan daripada sektor bukan minyak dan gas.

Perkara tersebut dijelaskan oleh

Setiausaha Tetap (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin semasa Forum Ekonomi Brunei yang diadakan di Bilik Senate, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Walau bagaimanapun tambahnya, ekonomi negara masih lagi bergantung kepada sektor minyak dan gas kerana pertumbuhan positif sektor bukan minyak dan gas tidak mencukupi untuk memacu ekonomi.

Menurutnya lagi, pada tahun 2020, sektor minyak dan gas merangkumi sebanyak 47 peratus daripada KDNK, 53 peratus daripada perdagangan dan 60 peratus daripada hasil kerajaan.

Oleh itu tekannya, kita perlu terus dan meningkatkan usaha kepelbagaian negara.

Beliau seterusnya berharap forum tersebut akan memberi dorongan untuk idea-idea inovatif dan praktikal yang dapat diubah menjadi tindakan dasar kerana Brunei sebagai ekonomi mikro dengan ciri unik, mungkin tidak dapat diberi penyelesaian dengan hanya buku teks biasa.

Forum Ekonomi Brunei yang dianjurkan buat julung kalinya oleh Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE) adalah selaras dengan tema 'Ke Arah Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan'.

Forum antara lain membincangkan mengenai beberapa arah dan inisiatif dasar



FORUM Ekonomi Brunei yang dianjurkan buat julung kalinya oleh Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE) adalah selaras dengan tema 'Ke Arah Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan'.

untuk mencapai Matlamat Ketiga Wawasan Brunei 2035, iaitu Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan melalui inisiatif Pelan Pembangunan Ekonomi untuk Negara Brunei Darussalam dengan memperkenalkan enam aspirasi yang menyediakan negara dengan rancangan yang jelas dan nyata.

Semasa sesi tersebut, empat orang ahli panel pakar daripada pelbagai agensi kerajaan turut berkongsi pandangan dan pendapat mereka mengenai ekonomi negara serta cabaran dan peluang yang dihadapi.

Para ahli panel terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Enterprise (DARE), Javed Ahmad; Pengarah Eksekutif,

Ekonomi, Penyelidikan dan Statistik, Autoriti Monetari Brunei Darussalam, Dr. Irene Yap Tsue Ing; Pengarah Eksekutif, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Dayangku Norhanidah binti Pengiran Haji Masshor; dan Penyelidik dari Pusat Kajian Strategik dan Dasar, Dr. Wee Chian Koh.

Forum dikendalikan oleh Dekan UBDSBE, Profesor Ahmed Masood Khalid.

Kira-kira 150 peserta daripada sektor awam dan swasta, ahli

menyokong inisiatif Smart Nation yang berkonsepkan untuk memberikan perkhidmatan pintar dan menjana nilai ekonomi dan sosial bagi NBD.

Di samping itu, pasukan petugas 5G juga menyelesaikan kerja mereka dan menyerahkan Laporan Taskforce mereka kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pemangku Menteri Tenaga dan Pengerusi AITI, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiauw.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman selaku Anggota Autoriti AITI; Pemangku Ketua Eksekutif AITI dan Pengerusi Taskforce 5G, Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar; Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; Anggota Lembaga Pengarah AITI; Pengarah; Ketua Pegawai Eksekutif; Ketua Kumpulan Kerja 5G Negara Brunei Darussalam; dan juga ahli-ahli Kumpulan Kerja 5G.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

akademik, pengamal, pembuat dasar dan pelajar penyelidikan menghadiri forum tersebut.

Di UBDSBE, acara seperti ini amat penting dengan misinya sendiri untuk memberikan pendidikan berkualiti dan memupuk pemimpin yang inovatif dan prihatin bagi menyumbang kepada masyarakat.

Ketika negara menuju ke arah ekonomi yang dinamik, peranan ahli akademik, penyelidik dan pemimpin masa hadapan di UBD menjadi lebih penting.

40 PESERTA DIRAIKAN DALAM MAJLIS KHATAM



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan 40 peserta Kelas Al-Quran Lelaki Dewasa dan Muslimah yang berjaya menamatkan pembacaan 30 Juzuk Al-Quran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 April. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Masin menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan 40 peserta Kelas Al-Quran Lelaki Dewasa dan Muslimah yang berjaya menamatkan pembacaan 30 Juzuk Al-Quran mereka, hari ini, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di masjid berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari yang juga selaku Ketua Kampung Limau Manis.

Juga hadir, Pegawai Hal Ehwal Masjid Zon 3, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Abd. Ghani, Yang Di-Pertua Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Masin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Surah-surah Khatam beramai-ramai bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad.

Bacaan Doa Takhtim, Dikir Marhaban dan Doa Khatam dipimpin oleh Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Abdullah selaku

Setiasaha AJK Takmir Masjid Kampung Masin. Acara diteruskan dengan penyampaian sijil dan cenderahati kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan yang dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Masin, Awang Haji Zainul Hasramin bin Haji Hassan dan diikuti dengan bergambar ramai.

COVID-19 : 1 kes import baharu disahkan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes import baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 214 orang.

Kes 214 ialah seorang perempuan berumur 23 tahun yang tiba ke negara ini dari Jakarta pada 21 Mac 2021. Penyiasatan dan pengesanan kontak telah mengesahkan tidak ada kontak terdekat bagi kes ini memandangkan beliau telah dikuarantin sebaik sahaja tiba ke negara ini dan keseluruhan pengendalian perjalanan semasa ketibaan dan pengasingan diri mereka telah mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang sedia ada.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 332 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 73 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 14 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan alhamdulillah, dua kes telah disahkan sembuh serta kesemua kes yang sedang dirawat di pusat berkenaan adalah dalam keadaan yang baik dan menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 197 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 512 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 16,039 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 425 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 115,080 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



ANTARA peserta khatam ketika bacaan Surah-surah Khatam beramai-ramai bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad.

Menghalusi rukun sembahyang



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir mendengarkan ceramah yang disampaikan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

MUARA, Sabtu, 3 April. - Program Halaqah Syariah Bimbingan Solat sempena Israk dan Mikraj meneruskan lagi siri ceramahnya bertajuk 'Menghalusi Tertib Solat Menurut Mazhab Al Syafie R.A' yang diadakan di Masjid Setia Ali, Pekan Muara baru-baru ini.

Ceramah disampaikan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar yang antara lain menerangkan tentang rukun-rukun sembahyang, di mana sebahagian daripada kita mungkin terlepas pandang atau kurang

pemahaman mengenai perkara rukun dalam sembahyang yang dikerjakan setiap hari.


Salah satunya ialah Takbiratul Ihram, iaitu sunat bagi kita mengangkat tangan semasa Takbiratul Ihram, iaitu tapak tangan bersejajaran dengan kepala bahu. Selain itu, hujung jari sama dengan bahagian atas telinga, ibu jari menyamai cuping telinga, hujung jari dicondangkan ke arah kiblat serta jari-jari di jarakkan sedikit.

Semasa menangkap tangan ketika berdiri pula ialah meletakkan tapak tangan sebelah kiri antara di

bawah dada dan atas pusat, sementara tapak tangan sebelah kanan diletakkan di atas pergelangan tangan kiri serta mata hendaklah menoleh ke tempat sujud.

Sesi kali ini juga turut diadakan sesi soal jawab dan contoh secara praktikal agar jemaah lebih memahami dan mengerti lagi akan perkara-perkara yang disampaikan.

Hadir bersama jemaah di sini, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman selaku Pemangku Penghulu Mukim Serasa dan Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelampung.





PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa hadir pada Tahun Baharu Thailand atau lebih dikenali sebagai Festival Songkran atau Festival Air.

FESTIVAL SONGKRAN DISAMBUT MERIAH

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) menganjurkan Tahun Baharu Thailand atau lebih dikenali sebagai Festival Songkran atau Festival Air.

Festival mengambil tempat di kediaman Kedutaan Besar Thailand, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul.

'Songkran' merupakan tradisi

Tahun Baharu Thailand yang diraikan pada 13 hingga 15 April setiap tahun.

Di Thailand, perayaan bermula pada 13 April yang juga merupakan Sambutan Hari Warga Emas.

Acara ini diadakan adalah sebagai tanda penghargaan kepada warga tua atas sumbangan mereka selama bertahun-tahun kepada keluarga dan negara.

Sementara pada 14 April ditetapkan sebagai Hari Keluarga

untuk meraikan cinta dan hubungan kekeluargaan.

Festival turut diraikan bersama dalam kalangan para jemputan khas Puan Yang Terutama, terdiri daripada para Perwakilan Asing dan Duta-duta Besar Istimewa dan Mutlak ke negara ini serta Pegawai-pegawai Kanan kerajaan dan dalam kalangan keluarga dan rakan warga Thailand yang berada di negara ini.

Dalam festival tersebut, turut diserikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan dan tradisional yang menarik, di samping juga diadakan gerai-gerai makanan yang bertemakan 'Street Food Thailand'.



SUASANA Festival Songkran yang mengambil tempat di kediaman Kedutaan Besar Thailand (kiri dan kanan).



Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Sabtu, 3 April. - Atas inisiatif untuk meringankan beban anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam dan sebagai sumbangan khidmat sosial, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) mengadakan Majlis Penyampaian Derma Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA)

baru-baru ini di The Seasons Restaurant, Centrepont Gadong.

Penyampaian Derma Dana berjumlah BND12,352.73 itu disampaikan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal kepada Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

UNISSA hulur sumbangan kepada DANA



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menyampaikan Derma Dana kepada Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

Majlis yang berkebakikan ini adalah sebagai wadah kepada Warga UNISSA, terutama para pelajar dalam melaksanakan tanggungjawab mereka kepada masyarakat, khususnya golongan anak-anak

yatim.

Majlis juga bertujuan untuk menjalin ikatan silaturahim dan kerjasama di antara Warga UNISSA dengan masyarakat luar, di samping dapat bertukar-tukar pandangan dengan pihak DANA

dalam sebarang kerjasama yang dapat dijalankan bagi kepentingan bersama.

Turut hadir, Pegawai Kanan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Pegawai-pegawai Utama UNISSA.



مبنترس جنايه چوري

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن سبئر-بئر تقوى بايت دغن مئيشككن كيلمان كقدان. سسغوهن اورغ يغ فاليع مليا ديسي الله ﷺ بايت ايله اورغ يغ فاليع برتقوى. مدهمداهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ ، برأوله كجيان دان كسلامتن دننيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

سباكي مانسي بياس، كيت تيدق قرنه ترلفس دري ملاكوكن كساهن دان كسلافن، سام اد كجبل اتو بسر، سفهاج اتوفون تيدق. اين كران الله ﷺ منجفتانك مانسي ايت برصفة له دان موده توندوق قد كايغين شهوة دان هاوا نفسو. الله ﷺ برقرمان دالم سورة النساء آية ٢٨:

تفسير:

الله هندق مريغكن (مودهكن حكوم ٢ شرع) كقد كامو، كران مانسي ايت دجادين برصفة له (تيدق قوات مناهن كايغين نفسو شهوات).

نامون، ايت بوكله ساتو الاسن يغ ميوهكن كيت بربوات دوسا دغن سوينغ-وينغن. ادقون انتارا فركارا دوسا دان منكر يغ سماكين منجادي-جادي دلاكوكن سحق كيلاكفن اين ايله جنايه چوري.

سسغوهن منجوري ايت اداله فربواتن يغ بردوسا كران مغميل سسوات يغ منجادي حق ميليك اورغ لايين سجارا باطل اتوفون ساهه. فرمان الله ﷺ سورة البقرة آية ١٨٨:

تفسير:

دان جاغنه كامو ماكن هرتا (اورغ لايين) انتارا كامو دغن جالن يغ باطل دان جاغنه كامو مغلوركن هرتا كامو (ميري رسواه) كقد حاكم ٢ سقاي كامو دافة مغميل سبهاكين درقد هرتا اورغ دغن جارا بربوات دوسا قد حال كامو متهوي ساهن.

جماعه يغ درحمي الله،

رسول الله ﷺ دالم حديث بكندا مغايغتنك اومتن بهوا اورغ يغ مغميل اتو منجوري هرتا اورغ لايين دان بلوم سمقت برتوبه سرت بلوم مغمبالين اتو مكني بارغ ٢ جورين ايت كقد فميليكن، مك اورغ مغميل اتو منجوري هرت ايت اكن دتوتوت اوله فميليكن هرتا ترسوت قد هاري قيامة كلق. درقد ابو هريرة رضى الله عنه ، رسول الله ﷺ قرنه برتان كقد قارا صحابه:

"تاهوكه كامو سياف اورغ يغ ففلس ايت؟" قارا صحابه منجواب:

"اورغ يغ ففلس منوروت كامو ايله اورغ يغ تيدق فميليكي واغ دان هرتا بندا" رسول الله ﷺ برسيدا: "سسغوهن اورغ يغ مفلس دكالغن اومتكو ايله اورغ يغ داتغ قد هاري قيامة دغن مباوا فهلا سمبيغ، قواس، دان زكاة، تتاي اي جوك داتغ مباوا دوسا بروفا فربواتن منجلا، منودوه، ممان هرتا اورغ لايين، منومفهنك داره، دان مياكيني اورغ لايين. كلق كيايكن-كيايكن اكن ديريكن كقد اورغ يغ قرنه اي ظلمي. افيل عمان كيايكن سوده هاييس ديريكن، سمئارا بلوم سلسي فمبالسن ترهادف كظالمنن، مك داميل دوسا ٢ اورغ يغ قرنه دظالمين ايت، لالو ديريكن كقدن. كمدن دي قون دليمركن كدالم نراك." {حديث رواية امام مسلم}

كيت دافة مندغر دجوروغ ٢ راديو دان مليهت دكاجا تاليشين برينا ٢ مغناي جنايه چوري يغ برلاكو دنكارا اين. اف يغ ليه مندوكايتان لايي ايله فربواتن منجوري ايت سلاين مليهتن هرتا بندا فرسندرين، اي جوك مليهتن كموداهن عوام دان هرتا بندا كراجان سفرت بسى ٢ فونوف لوغكغ دتقي-تقي جالن، كييل تيليكومونيكاسي، داواي ايليكتريك، قرانن يغ دفرواتن دري لوكم سفرت غمبكا، بسى دان ساومقامن.

دالم تيمبقوه تيك تاهون كيلاكفن دري بولن جنواري، ٢٠١٨ سهيغك ماج، ٢٠٢١، جباتن فرخدمتن ايليتريك تله مغعلي سابق 57 كجادين كجورين دان فموكوت، 9 درين تله مغعقيتكن كغكوان بكالن كقد فغكونا.

قرلو دكتهوي، بهوا فربواتن منجوري دان مموكوت اين دسقيغ مغكفكو كتنتران اورغ ٢ عوام، اي جوك بوله ممبهاكن سفرت ميبكن كجلران دان كمتين.

جسترو، باكي سام ٢ ميندوغ كجلا دان فربواتن منجوري دان مموكوت اين دري برلواسا. فيهق ٢ يغ برأوتوريني ايعين مغايغتنك دان موهن كرجسام اورغرامي اتوق ملافور كتالين دارالسلام 123 سكران ترافة سيارغ اكيبيي يغ منجوريكائن، يغ برلاكو دكواسن دمان ترداثن اسيت ٢ جباتن دان كراجان سفرت دباغونن سببشين ايليتريك دان ساومقامن.

سسغوهن منجوري ايت اداله فربواتن يغ دسيكن كران له دان كوسوغن ايمان دالم دري سستورغ ايت. درقد ابن عباس رضى الله عنهما، رسول الله ﷺ برسيدا:

ولا يسرق السارق حين يسرق وهو مؤمن

مقصودن:

دان تيدقه برلمان سئورغ فنجوري كتيك اي سدغ منجوري. {حديث رواية امام بخاري}

جماعه يغ درحمي الله،

سوا فيهق اداله برقرانن اتوق منجكه دري برلاكو جنايه چوري دري برلالواسا دان فنجكاهن جنايه چوري ايت برمولا ساؤل دري بغيكو سكوله لايي دغن ستيغ اورغ درقد كيت مندافة فديديقن اكام دان عقيدة يغ منتف. اين كران اورغ يغ تكوه اكامن دان منتف عقيدة سرت ايمان اكن ميغيني بهوا ستيغ فربواتن ايت سنتياس دلپهت اوله الله ﷺ منجلا. اوله يغ دمكين، سستورغ يغ سنتياس ايقه بهوا ستيغ فربواتن ايت اداله دلپهت دان دكتهوي الله سبحانه وتعالى، مك دي تيدق اكن براني اتوق ملاكوكن سسوات جنايه ايت سفرت جنايه چوري اتوفون فربواتن دوسا دان منكر يغ لايين. فرمان الله ﷺ سورة الحجرات آية ١٨:

تفسير:

سسغوهن الله مغتهوي سكل فركارا غائب دلاغيث دان دومي. دان الله مها مليهت اف يغ كامو كرجاكن.

اخيرن، سلاكو رعية دان فندودوق نكارا اين، ماريله كيت سام-سام بركرجسام دان بركنديغ باهو دالم ممبترس جنايه تراوتامن جنايه چوري اين دمي منجك كاماتن، كسجهزان دان كهرمونين نكارا كيت يغ ترجيتا اين. سام له كيت بردعاء سموك الله ﷺ اكن سنتياس ممري كيت توفيق دان هدايه اكر دجاوهكن دري ملاكوكن فربواتن ٢ دوسا دان منكر سفرت منجوري هرتا دان مغميل حق ميليك اورغ لايين. آمين يا رب العالمين.

تفسير:

دان توهن كامو برقرمان: "بردعاء له كقدكو نسجاي اكو مفركنكن دعاء كامو. سسغوهن اورغ ٢ يغ ميوهغكن ديري درقد برعبادة كقدكو اكن ماسوق نراك جهنم دالم كادان هينا." {سورة غافر آية: ٦٠}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.



BRUNEI DARUSSALAM
2021

SEKRETARIAT ASEAN baru-baru ini melancarkan ASEAN Development Outlook (ADO) yang pertama, sebuah penerbitan serantau untuk memetakan kemajuan ke arah pembangunan manusia yang mampan di rantau ASEAN dan untuk mengenal pasti cabaran utama dengan contoh amalan terbaik untuk masa depan. Edisi 2021 ADO memfokuskan pembangunan inklusif dan lestari di ASEAN dalam empat (4) bidang tematik utama, iaitu: i) Identiti ASEAN, ii) Alam Sekitar dan Alam Buatan, iii) Mata pencarian, dan iv) Kesejahteraan Sosial dan Kesihatan untuk membantu menavigasi dan mengukuhkan kerjasama serantau, dan memetakan visi Komuniti ASEAN pada tahun-tahun mendatang. Dengan mengambil kira pemacu utama perubahan di rantau ini yang akan mewujudkan peluang dan risiko untuk penduduk semasa dan masa depan. Penerbitan ADO dijangkakan menjadi salah satu dokumen hasil untuk Sidang Kemuncak ASEAN Ke-38.

Penerbitan ADO adalah hasil kerjasama antara University of Cambridge dan Sekretariat ASEAN di bawah bimbingan keseluruhan Mesyuarat Rasmi Kanan ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (SOMRDPE), dengan sumbangan dari Negara Anggota ASEAN, Badan Sektor ASEAN di seluruh Tiang Komuniti ASEAN dan rakan strategik ASEAN. Penerbitan ini dimungkinkan dengan sokongan dari Dana Kerjasama ASEAN-China.

Majlis yang diadakan menerusi sidang video tersebut dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN bersama-sama dengan Ketua Setiausaha ASEAN, Dato Paduka Lim Jock Hoi dan; Wakil Menteri Ekologi dan Alam Sekitar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Zhao Yingmin; serta pegawai kanan ASEAN, Suruhanjaya Antara Kerajaan mengenai Hak Asasi Manusia, dan penyelidik utama dari University of Cambridge.

SUMBER : asean2021.bn.

KETAHUI PELBAGAI JENIS MASAKAN ORANG TERDAHULU



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Kiulap, baru-baru ini.

Melalui program-program yang dilaksanakan, menurutnya, ia boleh dijadikan sebagai platform untuk warga emas membuat perniagaan, aktiviti dan sebagainya selaras dengan objektifnya, iaitu menjalankan gaya hidup yang sihat bagi warga emas (*healthy lifestyle for the elderly*).

Terdahulu itu, Pengurus Restoran De' Pirates Sails Seafood, Awang Noor Hazny bin Sani dalam ucapan alu-alunnya berkata, Bengkel Masakan bersama Warga Emas (Legend is Cooking) merupakan Corporate Social Responsibility (CSR) dari kedai makan tersebut bagi membantu warga emas dalam mempergiatkan lagi aktiviti sosial mereka dalam mengekalkan kesihatan mental dan fizikal juga memperkembangkan dan memperkenalkan pengetahuan masakan asli tradisional kepada generasi muda.

Selain itu, tambahnya, ia juga untuk memperkenalkan masakan tradisional asli setiap puak yang kian pupus ditelan zaman, dan membuka platform untuk warga emas dalam segi mengajar masakan, sekali gus menjana pendapatan, dari segi mengajar dan jualan hasil (produk).

Menurutnya lagi, melalui bengkel tersebut, ia juga akan dapat membuka peluang pembelajaran dalam kalangan warga emas, suri rumah dan orang awam dalam mempelajari kemahiran, resipi dan tatacara yang betul dalam dunia masakan orang Brunei asli.

Semasa bengkel tersebut, satu tatacara masakan dengan tema 'Masakan Ibunda' dikendalikan oleh salah seorang Ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE).

Bengkel anjuran bersama PKWE dan Restoran De' Pirates Sails Seafood, bertujuan untuk memperluaskan lagi pengetahuan orang awam mengenai jenis-jenis masakan orang terdahulu dan kuih muih asli Brunei, di samping memperkembangkan dan memperkenalkan lagi makanan asli Brunei dalam kalangan penduduk tempatan mahupun orang pelancong asing.

Selain itu, ia juga boleh menjana pendapatan dalam kalangan warga emas yang sudah dan sedang berpencen daripada pekerjaan juga berkecimpung dalam dunia penjagaan makanan.

Bagi sebarang pertanyaan mengenai bengkel tersebut, bolehlah terus menghubungi May Wong menerusi talian +673 7316992.

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), semasa berucap pada bengkel tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Pelbagai program boleh dilaksanakan dan diungkuhkan bagi membantu golongan warga emas untuk menjalankan gaya hidup yang sihat.

Perkara tersebut, antara yang dijelaskan, oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Saidah binti Wahid @ Burut semasa Bengkel Masakan Bersama Warga Emas, yang diadakan di Restoran De' Pirates Sails Seafood, Kompleks Shakirin,



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS semasa menyaksikan demonstrasi cara memasak.

Pekerja lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon bantuan dan kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing iaitu Alfiyah Bt Caya Dirsan, 50 tahun, perempuan, warganegara Indonesia, memegang pasport AU578268 yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan menerusi talian +673 2242334 dan talian kecemasan 993 atau terus melapor ke balai-balai polis yang berdekatan.



ALFIYAH Bt Caya Dirsan, warganegara Indonesia dilaporkan lari daripada majikan.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun
PenggunaBijak



جاڤان فرانتڤون ايكونومي دان مستاتيسٽيڪ
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Available on the
App Store
GET IT ON
Google play

86 PELAJAR PRA-VOKASIONAL TERIMA SIJIL

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Pelajar-pelajar yang berjaya menamatkan Program Pra-Vokasional Sesi Pengambilan 2016 / 2020 diharap untuk terus berusaha mendapatkan dan meningkatkan kemahiran yang sedia ada agar ianya menepati keperluan pihak industri dalam sama-sama mendukung salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu, rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Pihak Unit Pendidikan Khas (UPK) kini juga sedang dalam proses merangka dan mengkaji semula kurikulum pendidikan khas agar ia lebih dinamik dan holistik merangkumi kemahiran-kemahiran Abad Ke-21 yang perlu ada dalam mengharungi arus globalisasi yang semakin mencabar.

Perkara tersebut antara yang digariskan oleh Pemangku Ketua UPK, Awang Eddy Fazlin bin Haji Amdan dalam ucapan alu-aluan selaku selaku Pengerusi dalam Majlis Penyampaian Sijil bagi Program Pra-Vokasional bagi Sesi

2016 / 2020 yang berlangsung di Ruang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Seramai 86 orang pelajar berkeperluan khas dari beberapa buah sekolah menengah kerajaan yang berjaya menamatkan pengajian mereka diraikan pada majlis tersebut.

Majlis dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para penerima.

Semasa berucap, beliau menyentuh mengenai cabaran yang dihadapi semasa penularan pandemik COVID-19 pada tahun lalu dalam meneruskan lagi sesi pembelajaran secara bersemuka yang terpaksa ditangguh, di mana situasi tersebut telah membuka mata dan minda tentang kepentingan penggunaan teknologi dalam pelaksanaan sesi pembelajaran secara maya dan

penyediaan bahan pembelajaran bercetak.

Justeru, pihak Kementerian Pendidikan melalui Pusat Teknologi Pendidikan (EdTech Centre) dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Infokomunikasi telah dan sedang merancang dan melaksanakan beberapa inisiatif bagi memperluaskan lagi penggunaan teknologi dalam pengajaran Digital Learning.

"Antara usaha-usaha tersebut ialah penubuhan Smart Classroom dan multimedia studio di beberapa buah sekolah yang telah dikenal pasti, penyediaan lebih banyak Educational TV Programmes dan *progresif schools*," jelasnya.

Selain itu, tambahnya, dalam memastikan setiap pelajar termasuk pelajar berkeperluan khas diberikan akses kepada pendidikan yang berkualiti secara serata (*equality*) dan saksama (*equity*), sebuah kurikulum pendidikan khas yang komprehensif juga sedang dalam pembinaan, dengan mengambil kira penilaian, sumber



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan menyampaian sijil kepada salah seorang pelajar yang berjaya menamatkan Program Pra-Vokasional Sesi 2016 - 2020.

pembelajaran dan pengajaran, pedagogi termasuklah penekanan penggunaan teknologi khususnya dalam *assistive technology*.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada tujuh orang guru-guru pendidikan khas (SENA dan HRT) yang telah bersara dan sijil penghargaan serta cenderahati kepada 11 syarikat yang terlibat dalam program penempatan kerja pelajar-pelajar.

Program Pra-Vokasional merupakan program khusus bagi

para pelajar berkeperluan khas yang memfokuskan kepada kemahiran-kemahiran asas seperti kemahiran sosial, komunikasi, hidup berdikari, asas vokasional dan kerja berbanding kepada Rancangan Pendidikan Individu / Individualised Education Plan (IEP) mengikut tahap dan kebolehan pelajar itu sendiri.

Turut diadakan ialah aktiviti pameran dan jualan hasil kraf tangan, makanan, minuman serta tanaman pelajar-pelajar Program Pra-Vokasional daripada 28 buah sekolah menengah yang dibukakan untuk kunjungan orang ramai di aras bawah kompleks berkenaan.

Majlis juga menjemput pihak JobCentre Brunei (JCB) untuk membantu para lepasan pelajar Program Pra-Vokasional mendaftar sebagai pencari kerja.



ANTARA hasil tangan pelajar Pra-Vokasional yang dipamerkan pada majlis tersebut.

Sembahyang Sunat Tarawih di masjid dibolehkan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

- **PADA** bulan Ramadan tahun ini Sembahyang Sunat Tarawih dan lain-lain aktiviti seperti Bersungkal, Bertadarus Al-Quran dan Qiamullail bagi jemaah-jemaah masjid adalah dibolehkan.
- **DALAM** pada itu, adalah juga diperingatkan kepada jemaah dan orang ramai yang hadir ke masjid-masjid, surau dan balai ibadat supaya dapat mematuhi peraturan-peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Dari muka 1

Dalam pada itu, adalah juga diperingatkan kepada jemaah dan orang ramai yang hadir ke masjid-masjid, surau dan balai ibadat supaya dapat mematuhi peraturan-peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Antara peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan itu ialah jemaah hendaklah mendaftar masuk dengan menggunakan aplikasi BruHealth serta mendapatkan kelulusan kod hijau atau kuning sahaja. Orang yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak menghadirkan diri ke masjid.

Seterusnya, jemaah adalah digalakkan untuk membuat pemeriksaan suhu badan dan memastikan untuk membawa serta menggunakan sejadah / tikar sembahyang sendiri (berukuran besar).

Dalam masa yang sama, jemaah juga perlu mengamalkan penjarakan fizikal antara jemaah adalah mengikut ukuran sejadah / tikar sembahyang masing-masing. Jemaah tidak digalakkan untuk bersalam-salaman malah tiada had umur dikenakan serta jemaah juga digalakkan untuk berwuduk dari rumah.

Menerusi Siaran Akhbar KHEU juga memaklumkan bahawa para jemaah juga digalakkan untuk memakai sungkup muka dan mensanitasi tangan sebelum dan selepas memasuki masjid.

Akhirnya, marilah kita mensyukuri Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita kembali ke masjid dalam bulan Ramadan pada tahun ini untuk beramal ibadat seperti lazimnya dan beramal kebajikan dengan ikhlas kerana-Nya jua.

Di samping itu, kita hendaklah sentiasa waspada dengan mematuhi setiap saranan dan nasihat yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal jangkitan wabak COVID-19.

Vaksin Oxford-AstraZeneca selamat digunakan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai keadaan Vaksin Oxford-AstraZeneca yang dilancarkan di kesemua tempat vaksinasi sebagai sebahagian daripada Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 bermula hari ini.

Jawatankuasa Teknikal Vaksin COVID-19 mengkaji laporan yang berterusan mengenai kes pembekuan darah yang tidak biasa yang berkaitan dengan jumlah platelet yang rendah, pada orang yang divaksin dengan Vaksin AstraZeneca COVID-19.

Sebilangan negara di Eropah dan Australia melaporkan kejadian pembekuan yang tidak normal. Setakat ini di UK, kejadian buruk ini dilaporkan kurang dari satu dalam sejuta orang yang diberi vaksin dan juga boleh berlaku secara semula jadi.

Oleh itu, tidak ada bukti yang jelas mengenai kaitan kasual dan jumlah keseluruhan kes sangat jarang berlaku.

Berdasarkan tinjauan data yang ada dan sesuai dengan panduan dari badan pengawalseliaan antarabangsa, termasuk Organisasi Kesihatan Sedunia dan Agensi Ubat-ubatan Eropah, Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa Vaksin AstraZeneca selamat digunakan dan manfaat vaksinasi tersebut turut mengatasi risiko yang telah terjadi setakat ini. Oleh itu, orang ramai perlu terus mendapat vaksin mereka apabila diarahkan untuk berbuat demikian.

Sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai yang baru-baru ini diberi vaksin dan kemudian

mengalami sebarang gejala, seperti sesak nafas, sakit dada, bengkak kaki dan sakit perut yang berterusan harus segera mendapatkan rawatan perubatan.

Selain itu, sesiapa yang mempunyai gejala neurologi termasuk sakit kepala yang teruk atau berterusan ataupun penglihatan kabur selepas vaksinasi atau yang mengalami lebam kulit (petechia) di luar tempat vaksinasi setelah beberapa hari, harus segera mendapatkan bantuan perubatan.

Untuk maklumat lebih lanjut dan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada waktu pejabat).

JPMC DILANTIK BERI VAKSINASI COVID-19



PENGARAH Perubatan Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC), Dr. Meera Sahib Kabeer setelah menerima suntikan Vaksin COVID-19 (kiri), manakala gambar kanan, Program Vaksinasi COVID-19 di JPMC dilaksanakan.

JERUDONG, Sabtu, 3 April. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) baru-baru ini dilantik oleh Kementerian Kesihatan sebagai salah sebuah pusat bagi pemberian Vaksinasi COVID-19 dalam langkah untuk melindungi

rakyat dan penduduk negara ini terutama sekali para barisan hadapan, petugas, perwakilan asing, penuntut yang akan menuntut di luar negara dan bagi mereka yang bermusafir dan telah diluluskan

oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Dalam pada itu, mendahului senarai para barisan hadapan pada hari ini untuk menerima suntikan vaksin COVID-19 ialah Pengarah Perubatan JPMC,

Dr. Meera Sahib Kabeer dan diikuti oleh Pegawai-pegawai Pengurusan Kanan JPMC, Gleneagles JPMC dan Pusat Pakar Perubatan Pantai Jerudong (PJSC).

Selaku sebuah negara yang



Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi

bebas daripada jangkitan domestik COVID-19 dan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sokongan bersepadu rakyat dan penduduk dalam sama menyokong usaha-usaha Kementerian Kesihatan melalui program vaksinasi tersebut ia akan memberikan jaminan bagi negara ini bebas daripada pandemik tersebut.

JPMC merupakan sebuah hospital pakar swasta di Negara Brunei Darussalam yang menawarkan pelbagai perkhidmatan perubatan yang meluas dengan kemudahan yang canggih dan merupakan pusat pakar yang pertama menerima pengiktirafan antarabangsa Joint Commission International (JCI) di negara ini.



SUNTIKAN Vaksin COVID-19 yang diadakan di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas), manakala gambar kanan, Vaksin COVID-19 yang diberikan kepada para penerima.

TUTONG, Sabtu, 3 April. - Hari ini menandakan hari pertama bagi pelaksanaan Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 di seluruh negara.

Suntikan dos pertama Vaksin

COVID-19 diberikan kepada penerima-penerima vaksin di kesemua pusat-pusat vaksinasi di Negara Brunei Darussalam (NBD). Bagi Daerah Tutong, Pusat Vaksinasi diadakan di Hospital

Vaksinasi langkah efektif melindungi diri, masyarakat

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Suntikan dos pertama Vaksin COVID-19 diberikan kepada Pemangku Pegawai Kesihatan Kanan, Abdul Mu'iz bin Haji Ibrahim; Timbalan Penguasa Perubatan, Pengiran Dr. Noor Affizan binti Pengiran Haji Abd. Rahman; pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai kakitangan di Kementerian Kesihatan serta pegawai-pegawai yang terdiri daripada petugas barisan hadapan (*frontliners*).

Pada hari ini juga, seramai 120 pegawai dan kakitangan hospital berkenaan menerima dos pertama Vaksin COVID-19 di seluruh negara.

Sepertimana kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan sebelum ini, pada peringkat awal ini, petugas-petugas di fasiliti-fasiliti kesihatan akan diberikan Vaksin COVID-19 terlebih dahulu.

Bagi mereka yang di dalam Fasa Satu yang terdiri daripada individu yang berumur 60 tahun ke atas, Fasa Dua dan Fasa Tiga, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama daripada orang ramai untuk menunggu giliran yang akan dimaklumkan kemudian.

Orang ramai adalah juga disarankan untuk tidak mengunjungi pusat-pusat vaksinasi pada masa ini dan Kementerian Kesihatan akan memaklumkan orang ramai bagi pembukaan tempahan vaksin-vaksin mengikut peringkat-peringkat pelaksanaan.

Sementara menunggu pembukaan tempahan perjanjian bagi vaksin, orang ramai disarankan untuk mengesahkan akaun BruHealth masing-masing dan memastikan maklumat peribadi di dalam Bru-HIMS dikemaskinikan bagi memudahkan tempahan Vaksinasi COVID-19 nanti.

Vaksinasi merupakan langkah yang paling efektif untuk melindungi diri sendiri, orang yang tersayang dan juga masyarakat daripada kesan bahaya

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

COVID-19.

Walau bagaimanapun, ia adalah penting bagi orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti mengamalkan kebersihan diri, etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa.

Orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk tidak keluar rumah jika merasa kurang sihat

serta mengelakkan daripada mengunjungi tempat-tempat yang penuh sesak.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn dan ikuti media sosial Kementerian Kesihatan @mohbrunei atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



فجابت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

**Apa boleh kami bantu?
Hubungi kami.**

How can we help you today?
Here's how to get in touch with us.

+673 7371961

query@spa.gov.bn

MTIC
SECURITY

MTIC anjur Hari Terbuka

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) mengadakan Hari Terbuka yang diadakan hanya satu hari di Bangunan kementerian berkenaan, hari ini, di sini.

Tujuan hari terbuka ini diadakan adalah untuk memberi pengenalan kementerian ini serta membarigakan beberapa dasar dan pelan strategik di bawah kementerian ini termasuk Kenderaan Elektrik (EV).

Sesi-sesi dimulakan dengan taklimat mengenai Pelan Strategik MTIC dan diikuti dengan Taklimat Kesedaran Keselamatan Jalan Raya. Pengunjung-pengunjung yang terdiri daripada orang awam dan sekolah-sekolah dan penuntut dari institusi tinggi seterusnya mengunjungi pameran dari Jabatan Kajikuaca, Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Perkhidmatan Pos.

Pengunjung juga berpeluang untuk menguji pandu Kenderaan Elektrik serta mengalami Seat Belt Convincer bagi meningkatkan kesedaran kepentingan pemakaian tali keledar keselamatan.

Dalam beberapa minggu yang akan datang ini, MTIC akan mengadakan beberapa hari terbuka bersama jabatan-jabatan dan agensi-agensy yang berkaitan untuk mempamerkan fungsi, peranan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang turut ditawarkan kepada orang ramai dan mengalu-alukan kedatangan pengunjung-pengunjung ke Bangunan MTIC.

Maklumat terkini seperti jadual dan aktiviti boleh di dapati di laman Instagram rasmi MTIC iaitu @mtic.bn.

Berita dan Foto :
Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

PETUGAS BARISAN HADAPAN DAERAH TEMBURONG TERIMA VAKSIN COVID-19

TEMBURONG, Sabtu, 3 April. - Pelaksanaan Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 di keempat-empat daerah mula dilaksanakan dengan para petugas di fasiliti-fasiliti kesihatan diberikan Vaksin COVID-19 terlebih dahulu.

Di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Daerah Temburong, hadir dan seterusnya menerima suntikan pertama ialah Timbalan Penguasa Perubatan, Pengiran Dr. Noor Azmi bin Pengiran Dr. Haji Mohammad; dan Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan, Pejabat Kesihatan Temburong, Dr. Hajah Martina binti Dato Seri Paduka Haji Kifrawi.

Dr. Dayang Hajah Martina semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan sebab kenapa beliau memutuskan untuk mengambil Vaksinasi COVID-19 tersebut adalah kerana beliau merupakan pekerja kesihatan (*healthcare workers*) dan adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk melindungi diri sendiri, keluarga dan juga masyarakat.

Oleh itu, jelas beliau lagi, pengambilan vaksinasi ini adalah menjadi tanggungjawab sosial masing-masing untuk melakukannya.

Terdapat banyak maklumat palsu yang tersebar melalui media sosial mengenai vaksinasi tersebut, malangnya terangnya beliau lagi banyak orang mempercayai mesej berkenaan.

Beliau seterusnya menggesa orang ramai untuk membaca dari sumber yang boleh dipercayai, biasanya maklumat rasmi yang boleh dipercayai tersebut mempunyai logo, seperti logo dari Kementerian-Kementerian, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan banyak lagi.

Beliau seterusnya menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang



TIMBALAN Penguasa Perubatan, Pengiran Dr. Noor Azmi bin Pengiran Dr. Haji Mohammad dan Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan, Pejabat Kesihatan Temburong, Dr. Hajah Martina binti Dato Seri Paduka Haji Kifrawi semasa menerima suntikan Vaksin COVID-19 (kiri dan kanan).

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberi peluang untuk kami, iaitu petugas barisan hadapan (*frontliners*) dan petugas kesihatan kerana kami di barisan hadapan adalah yang pertama sekali terdedah dengan virus COVID-19.

"Saya berharap orang ramai akan turut mendapatkan Vaksin COVID-19 untuk melindungi Negara Brunei Darussalam," tambahnya.

Sepertimana kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan sebelum ini, dalam peringkat awal ini, petugas-petugas di fasiliti-fasiliti kesihatan akan diberikan Vaksin COVID-19 terlebih dahulu.

Pemberian vaksin berkenaan akan dilaratkan kepada petugas-petugas barisan hadapan,

yang terdiri daripada anggota-anggota beruniform, seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, petugas-petugas yang berkaitan dengan kuarantin dan yang terlibat bertugas di Pos-pos Kawalan, seperti Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, para sukarelawan, krew kabin dan lain-lain lagi.

Pemberian vaksin bagi Fasa 1 terdiri daripada individu yang berumur 60 tahun ke atas. Bagi Fasa 2 dan Fasa 3, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama daripada orang ramai untuk menunggu giliran yang akan dimaklumkan kemudian.

Orang ramai adalah juga

disarankan untuk tidak mengunjungi pusat-pusat vaksinasi pada masa ini dan Kementerian Kesihatan akan memaklumkan orang ramai bagi pembukaan tempahan vaksin mengikut peringkat-peringkat pelaksanaan.

Sementara menunggu pembukaan tempahan perjanjian bagi vaksin, orang ramai disarankan untuk mengesahkan akaun BruHealth masing-masing dan memastikan maklumat peribadi di dalam Bru-HIMS dikemas kini untuk memudahkan tempahan Vaksinasi COVID-19 nanti.

Vaksinasi adalah langkah yang paling efektif untuk melindungi diri sendiri, orang yang tersayang, dan juga masyarakat daripada kesan bahaya COVID-19. Walau

bagaimanapun, ia adalah penting bagi orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan, seperti mengamalkan kebersihan diri, etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa.

Orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk tidak keluar rumah jika berasa kurang sihat serta mengelakkan diri daripada mengunjungi tempat-tempat yang penuh sesak.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn dan ikuti media sosial Kementerian Kesihatan @mohbrunei atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Pelaksanaan Program Vaksinasi Daerah Belait



ANTARA petugas barisan hadapan yang menerima suntikan Vaksin COVID-19 tersebut (kiri dan kanan).

Berita dan Foto :
Noraisah Haji Muhammed

BELAIT, Sabtu, 3 April. - Pusat Vaksinasi COVID-19 dibentuk di keempat-empat daerah dengan pusat utamanya ialah di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkhiah di Daerah Brunei dan Muara; Hospital Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Daerah Tutong; Hospital Suri Seri Begawan di Daerah Belait; dan Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam di Daerah Temburong.

Di Daerah Belait, antara

penerima-penerima suntikan dos pertama Vaksin COVID-19 ialah Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat 1, Hospital Suri Seri Begawan, Awang Borhan bin Haji Hamdan; Penguasa Perubatan Hospital Suri Seri Begawan, Mr. Chong Chean Leung; Pegawai In-Caj Pejabat Kesihatan Kuala Belait; Dr. Haji Muhammad Norizni bin Haji Mosli; Pegawai Perubatan Kanan, Ketua Bahagian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi, Dr. Mohd. Elham bin Haji Mohd. Ismail;

Timbalan Ketua Kejururawatan, Hospital Suri Seri Begawan, Dayang Hajjah binti Abdul Harris; dan warga kakitangan hospital berkenaan.

Fasa 1 suntikan Vaksin COVID-19 akan merangkumi barisan hadapan, warga emas berusia 60 tahun ke atas dan pelajar yang belajar di luar negara, kata Kementerian Kesihatan; sementara Fasa 2 diberikan kepada kakitangan di pusat jagaan kanak-kanak, guru-guru dan

orang dewasa yang mempunyai komorbiditi; manakala Fasa 3 adalah bagi individu yang berumur 18 tahun ke atas.

Kumpulan keutamaan di bawah tahap satu, terdiri daripada petugas barisan hadapan, terutama kakitangan perubatan di kemudahan-kemudahan kesihatan kerajaan dan swasta akan menerima vaksin diikuti oleh petugas barisan hadapan lain yang dikenal pasti.

Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai untuk mengesahkan akaun BruHealth mereka dan memastikan bahawa maklumat peribadi di dalam akaun Bru-HIMS dikemas kini untuk memudahkan tempahan Vaksinasi COVID-19.

Tempahan janji temu untuk vaksin tersedia mengikut tahap pelaksanaan.

Vaksin tersebut dapat melindungi individu daripada penyakit yang teruk dan meminimumkan kemasukan ke hospital dan kematian.

Ia tetap penting bagi orang ramai untuk berwaspada dan meneruskan langkah berjaga-jaga, termasuk menghindari tempat yang sesak, bersenam, menjauhkan jarak fizikal, memakai topeng muka, tidak keluar rumah sekiranya ada menunjukkan gejala, seperti selesema serta kerap mencuci tangan, menjaga kebersihan diri dan mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul.

دعاء موهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرِ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقَدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsiannya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلٰى وَاَبُوْءُ بِذَنْبِىْ، فَاغْفِرْ لِىْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباحوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاَفُوْضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

MENGIMARAHKAN MASJID SEBAGAI MESRA JEMAAH



Berita dan Foto :
Saerah Haji Abdul Ghani

PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri menyampaikan hadiah kepada para pemenang Pertandingan Membaca Surah Yaa Siin dan Al-Mulk secara Murattal bagi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Kumpulan Muslimah bagi 50 Tahun (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Awang Haji Sulaiman bin Ibrahim muncul johan bagi Kategori Lelaki dan johan keseluruhan Pertandingan Membaca Surah Yaa Siin dan Al-Mulk secara Murattal bagi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Kumpulan Muslimah bagi 50 Tahun ke atas setelah mengutip sebanyak 91 peratus markah. Bagi Kategori Wanita, johan disandang oleh Dayang Masitoh binti Sukyad setelah berjaya mengutip sebanyak 92.5 peratus markah. Majlis yang diungkuayahkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid

dan Kumpulan Muslimah ke atas anjuran Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kampung Rimba. Manakala naib juara bagi Kategori Lelaki dimenangi oleh Awang Haji Ahmad bin Haji Raini setelah berjaya mengutip sebanyak 91 peratus, diikuti tempat ketiga, Awang Johari bin Mohd Salleh dengan 90.5 peratus. Naib juara bagi Kategori Perempuan pula dimenangi oleh Hajah Dayang binti Md. Salleh setelah meraih markah sebanyak

89.5 peratus, manakala Dayang Pungut binti Ahmad menduduki tempat ketiga setelah memperoleh 89 peratus. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri yang berlangsung di masjid berkenaan. Pertandingan ini merupakan buat pertama kalinya dianjurkan oleh Masjid RIPAS, Kampung Rimba untuk mencari peserta

yang berbakat bagi mewakili pertandingan seumpama ini sama ada di peringkat daerah ataupun negara. Seramai 32 orang menyertai pertandingan tersebut yang dibahagikan pada dua kategori, iaitu Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan. Antara tujuan acara ini diadakan adalah untuk menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan masjid sebagai mesra jemaah. Di samping untuk memberi kefahaman mendalam tentang murattal, acara juga dihasrat untuk menggalakkan para peserta khususnya untuk suka hadir ke masjid dan menjadikan masjid bukan tempat beribadah sahaja. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan peserta, seterusnya mencungkil bakat para peserta, sekali gus untuk meningkatkan lagi minat mereka kepada lagu / irama murattal bahkan boleh mencetuskan lagi irama baharu. Dengan adanya pertandingan seumpama ini diharap akan dapat melahirkan dan mengeratkan persaudaraan sesama kita.

Menjaga nilai puasa

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



TUTONG, Sabtu, 3 April. - Tahap manusia dalam melakukan ibadah puasa itu adalah berbeza-beza antara satu dengan yang lain.

Dalam keadaan orang yang berpuasa itu, ia melakukan amalan soleh dengan mengerjakan perkara-perkara yang wajib mahupun yang sunat.

Penolong Ketua Penerbitan, Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Nazirul Mubin bin Ahad menjelaskan perkara itu pada Program Liqa' Ilimi Ahli Sunnah Waljama'ah yang membawakan ceramah bertajuk 'Amalan-amalan Sunnah di bulan Ramadan' yang berlangsung di Masjid Kampung Sinaut, di sini.

Selain itu, terangnya, kita hendaklah tidak mensia-siakan bulan Ramadan. Puasa bukanlah hanya menahan makan dan minum saja, akan tetapi puasa adalah menahan dan menjaga diri kita daripada nafsu dan sebagainya.

PENOLONG Ketua Penerbitan, Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Nazirul Mubin bin Ahad semasa menyampaikan ceramah.

Tambahnya, kita hendaklah sentiasa melakukan amal soleh dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Program berkenaan adalah anjuran bersama Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah KUPU SB, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan masjid-masjid terpilih di Negara Brunei Darussalam.



ANTARA yang hadir pada Program Liqa' Ilimi Ahli Sunnah Waljama'ah.

Petugas barisan hadapan terus didahulukan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

RIMBA, Ahad, 4 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah memberikan sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19 kepada lebih daripada 100 orang bagi sesi pagi, sebagaimana yang diujarkan oleh perwakilan dari Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Kampung Rimba.

Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 yang dilakukan pada hari ini, diperuntukkan bagi para petugas barisan hadapan (*frontliner*) iaitu doktor-doktor, jururawat, sukarelawan, pegawai-pegawai dan kakitangan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Orang ramai adalah juga disarankan untuk tidak mengunjungi pusat-pusat vaksinasi pada ketika ini dan Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai bagi pembukaan tempahan vaksin-vaksin sebagaimana mengikut peringkat-peringkat pelaksanaannya.

Vaksinasi merupakan langkah yang paling efektif untuk melindungi diri sendiri, orang yang tersayang dan juga masyarakat daripada kesan bahaya COVID-19.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn dan ikuti media sosial Kementerian Kesihatan @mohbrunei atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



PARA petugas barisan hadapan semasa membuat pendaftaran sebelum mendapatkan suntikan vaksin (atas). Manakala gambar bawah, antara yang mendapatkan suntikan Vaksin COVID-19 di Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Kampung Rimba.



LAWATAN ERAT SILATURAHIM



Berita dan Foto :
Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Sabtu, 3 April. - Buat julung-julung kalinya, Persatuan Sutera serta Ahli-ahli Jawatankuasa mengukaykahkan Majlis Menyambut Lawatan Muhibah Silaturahim antara Pertubuhan WARGAMAS Brunei. Majlis berlangsung di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kampung Pandan, di sini. Hadir pada majlis tersebut, Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS Brunei, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd.

Don dan dialu-alukan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Sutera, Awang Haji David bin Haji Kassim. Majlis dianjurkan adalah untuk mendukung dan mengeratkan lagi silaturahim yang sedia ada, sekali gus menjadikan perpustakaan sebagai pusat kegiatan kenegaraan, keutamaan kemasyarakatan dan sosioekonomi, di samping menyahut Wawasan Brunei 2035. Dalam ucapan Awang Haji

David, melalui kunjungan muhibah di antara Pertubuhan WARGAMAS Brunei dan Persatuan Sutera ini juga dihasrat dapat melahirkan kewibawaan dalam peranan membina semangat belia dan beliawanis dalam sama-sama menyumbang khidmat bakti dalam bidang Agro Culture dan Dunia Kulineri. Sementara dalam ucapan balas Awang Haji Abu Bakar juga menekankan bidang pertanian hendaklah dipelopori oleh warga belia hingga menjadi kenyataan. Dalam majlis itu, Persatuan Sutera juga turut memperkenalkan kolaborasi Kumpulan Hadrah, Kumpulan Dikir dan Kumpulan



PERTUBUHAN WARGAMAS Brunei dan Persatuan Sutera Belait bertukar cenderahati (atas), manakala gambar kiri, ketibaan rombongan Pertubuhan WARGAMAS Brunei disambut dengan pukulan hadrah oleh Sutera Melayu Asli.

Sutera Cef yang sedang giat mempersiapkan diri untuk menjadi pelapis. Kunjungan seramai 170 orang Ahli Pertubuhan WARGAMAS Brunei disambut meriah dengan pukulan hadrah Sutera Melayu Asli dan iringan Thala'al Baddru Kumpulan Dikir Sutera. Keceriaan jelas terpancar di wajah mereka apabila berkesempatan beramah-mesra melalui nyanyian berjudul 'Rasa Sayang', membaca syair bertajuk 'Hargai Warga Emas' dan berkesempatan memperoleh cenderahati berupa sayur-sayuran

dan buah-buahan. Majlis seumpama itu dihasratkan akan menjadi ristaan sejarah dalam berpersatuan dan berpertubuhan yang disemai di dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara. Pihak penganjur berharap dengan adanya majlis mahabbah seumpama ini akan menjadi tauladan baik kepada golongan belia, sekali gus menjadikan setiap kerja menjadi amalan baik dalam kehidupan seharian. Turut hadir, Pemangku Ketua Kampung Mukim Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim.

Jaga kesihatan fizikal, kesejahteraan mental

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Baiduri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Bank Baiduri mengadakan pelbagai aktiviti di Ibu Pejabatnya bagi mempromosikan amalan gaya hidup kesihatan khususnya dalam kalangan kakitangannya. Dalam melengkapkan lagi aktiviti khususnya pada pertengahan tahun ini, bank berkenaan telah mengadakan ceramah dan bengkel kesihatan yang dikendalikan oleh pakar dari Lee Clinic & Dispensary, Dr. On Sui Chee pada 24 Mac lalu di Baiduri Community Space. Lebih daripada 50 kakitangan menyertai bengkel tersebut dan membincangkan mengenai dua Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) yang terbesar di Negara Brunei Darussalam iaitu jantung dan kencing manis. Unit Pembelajaran dan Pembangunan juga memperkenalkan pelbagai aktiviti untuk menonjolkan tabiat pemakanan sihat dan juga amalan kesejahteraan harian. Pembekal makanan tempatan, Brunei Halal, juga diundang untuk menyertai bengkel tersebut, di mana kakitangan berpeluang untuk mencuba produk sihat yang disokong oleh Pusat Promosi Kesihatan (HPC) di Kementerian Kesihatan. Dengan menyedari kepentingan kesejahteraan terhadap produktiviti, bengkel ini dianggap sebagai sebahagian daripada pengembangan kakitangannya. Bank Baiduri juga telah mengadakan beberapa aktiviti

bertujuan untuk mendorong kakitangan mereka untuk memelihara kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental selama tiga bulan. Kegiatan Kesihatan ini mula pada awal Februari dengan sesi latihan dan bengkel untuk Baiduri Wellness Ambassadors - kakitangan terpilih yang memperjuangkan budaya kesejahteraan dalam kalangan rakan sekerja mereka. Bengkel ini diadakan dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan (HPC) di Kementerian Kesihatan untuk melengkapkan Duta Kesihatan dengan pemahaman asas mengenai diet dan pemakanan yang sihat serta pentingnya latihan fizikal di tempat kerja. Ambassadors juga dilatih cara pemakaian peralatan-peralatan pemantauan kesihatan seperti Alat tekanan darah, mesin glukosa dan kolesterol, dan Indeks Jisim Tubuh (BMI) untuk melengkapkan inisiatif berkaitan dengan pemeriksaan kesihatan. Kemudian, mereka juga melancarkan Feel Good Fridays (FGF), satu siri di bawah EWI yang berkomitmen untuk mengadakan aktiviti bulanan yang diketuai oleh Baiduri Wellness Ambassadors. Acara pertama dalam siri ini memberi tumpuan kepada penyediaan makanan yang sihat dan selesa untuk profesional yang bekerja dipandu oleh pakar pemakanan kesihatan dan



CERAMAH dan bengkel kesihatan yang dikendalikan oleh Dr. On Sui Chee dari Lee Clinic & Dispensary.

kecergasan, Shazrinah Shazali yang diiktirafkan dan pemilik restoran tempatan, Fuel'd. Bercajak mengenai kejayaan inisiatif dalam kalangan kakitangannya, Ketua Sumber Manusia dan Pentadbiran, Dayang Veronica Chong mengatakan, "Kami sangat gembira dengan kemajuan kami dalam menyokong kesejahteraan di Bank Baiduri setakat ini. Ini menunjukkan bahawa kakitangan kami sangat berminat untuk menjadi lebih sihat dan mencapai keseimbangan kerja-kehidupan. "Kami akan berusaha untuk mengadakan lebih banyak aktiviti dan bekerjasama dengan pakar perubatan dan pengusaha-

pengusaha tempatan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan kakitangan kami mengenai kepentingan pemakanan, kesihatan fizikal dan mental". Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Awang Ti Eng Hui menjelaskan bahawa inisiatif ini adalah untuk mempromosikan kesejahteraan yang sihat kerana dapat memberi banyak manfaat, termasuk kakitangan untuk lebih ceria. Beliau juga menambah bahawa, "Kejayaan kami sangat bergantung kepada produktiviti dan prestasi kakitangan kami. Keupayaan untuk berfungsi dan bekerja pada tahap tinggi secara konsisten bergantung

pada memiliki tenaga kerja yang ceria, sihat dan berdaya tahan di dalam minda dan tubuh". Peranan EWI adalah untuk meningkatkan penglibatan kakitangan dalam lingkungan kakitangan dan juga mempromosikan budaya kerjasama dan kesejahteraan yang baik. Di sepanjang tahun ini, akan adanya aktiviti yang berterusan dengan tema kesihatan yang berbeza, bertujuan untuk memupuk interaksi kumpulan dan penglibatan masyarakat serta untuk memupuk kesejahteraan keseluruhan kakitangan dengan memberi tumpuan kepada kesihatan mental.

IMBASAN MINGGUAN



MANTAN dan warga Penerangan menganjurkan Majlis Bertahlil' dan Membaca Doa Arwah Khas bagi mantan dan warga Penerangan yang telah kembali ke rahmatullah, disempenakan bagi mengambil keberkatan bulan Ramadan yang bakal menjelang dan dihasrat bagi merapatkan dan memperkukuhkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan mantan dan warga Penerangan. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

KELAB Environmental Institut Pendidikan Teknikal Brunei Kampus Bisnes menganjurkan Majlis Penanaman bagi sebanyak 84 pokok, di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas sempena Hari Bumi 2021, yang diraikan setiap 22 April. - Foto : Marlinawaty Hussin.

SATU aktiviti amal bersempena Hari Tongkat Putih Sedunia diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara. Gambar menunjukkan acara berjalan kaki di kawasan sekitar Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin menggunakan tongkat putih dengan memakai penutup mata dan dipandu oleh pendamping. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

LEBIH daripada 60 pengakap mengambil bahagian pada Earth Hour, yang berlangsung di Bangunan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Kompleks Pengakap, Jalan Gadong. - Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin.

SEBAHAGIAN daripada petugas yang terlibat dalam penerimaan sejumlah 24,000 dos vaksin AstraZeneca, merupakan dos Vaksin COVID-19 pertama, yang dibekalkan melalui Pelan Peruntukan Vaksin COVID-19 (COVID-19 Vaccine Allocation Plan - COVAX) selamat tiba kira-kira jam 11.05 pagi. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2020 - 2021 / 20

Tajuk Tawaran :
"DAILY CLEANING SERVICES FOR
THE KAMPONG AYER CULTURAL AND
TOURISM GALLERY
FOR 2 YEARS"

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)



Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 15 April 2021, jam 2.00 Petang



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Tajuk Tawaran :
Engagement of Qualified Security
Assessor (QSA) for Payment Card
Industry Data Security Standards
(PCI DSS) Compliance and Related
Services (3 Tahun - 1hb Ogos 2022
to 31hb Julai 2025)

Rujukan Tawaran :
JPKK / LTN2122-T01 / IT

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup / Jam :
Isnin, 12 April 2021, jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM :
IV, V & VI
KATEGORI : E01

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 06 / BPB / 2021

NAMA PROJEK :
REPLACEMENT OF DEFECTIVE
DIMMER LIGHT SYSTEM AT
ASSARRAA VVIP HOUSES,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
4 Mei 2021 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

YURAN TAWARAN :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM :
MOD APPROVED LIFT CONTRACTOR
KATEGORI : KPME02

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 07 / BPB / 2021

NAMA PROJEK :
MAINTENANCE OF 'SIGMA' LIFT AT
SEKOLAH UGAMA ARAB MENENGAH
PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN
ANAK HAJAH SALEHA, KAMPUNG
KATOK FOR A PERIOD OF THIRTY-SIX
(36) MONTHS

Tarikh Tutup :
4 Mei 2021 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang



YURAN TAWARAN :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM :
III, IV & V
KATEGORI : M01

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 08 / BPB / 2021

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI
MASJID AL-AMEERAH AL-HAJJAH
MARYAM, KAMPUNG JERUDONG

Tarikh Tutup :
4 Mei 2021 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

YURAN TAWARAN :
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA
KATEGORI : [KA01 SAHAJA]

Tarikh Tutup :
Selasa, 4 Mei 2021, jam 2.00 Petang

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 002 / 2021

NAMA PROJEK :
TOPOGRAPHICAL DAN BATHY
SURVEY BAGI MEMBINA STESEN
PENGEPAM AIR MENTAH BAHARU
BADAS DAN MEMASANG PAIP AIR
BAHARU BADAS KE KAWASAN
SPARK



YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E - DOKUMEN : TIDAK ADA



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DALAM MAHKAMAH MAJISTRET
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DENGAR
DI BANDAR SERI BEGAWAN
KES SAMAN BIL : 53 TAHUN 2013**

DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
... PLAINTIF

DAN

AWANG ABDUL RAHMAN
BIN HAJI IBRAHIM
NO. K/P : 00-059433 (Kuning)
... Defendan

**NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT
PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI**

Kepada : AWANG ABDUL RAHMAN
BIN HAJI IBRAHIM
NO. K/P: 00-059433 (Kuning)
Alamatnya yang terakhir diketahui
ialah di No. 8, Simpang 143
RPN Kampung Meragang BT2728
Negara Brunei Darussalam

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa
saman Penghutang Penghakiman telah
difailkan terhadap kamu dalam mahkamah
yang tersebut di atas oleh KERAJAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM yang menghendaki kamu
supaya hadir di Mahkamah Majistret,
Bandar Seri Begawan, pada hari 7 April
2021, pada jam 8.30 Pagi, untuk memberi

sebab mengapa penghakiman yang
dijatuhkan dalam kes yang tersebut di atas
tidak patut dilaksanakan dengan menahan
dan menjual harta alih kamu dan / atau
dengan menahan kamu di dalam penjara
sebagai banduan sivil.

DAN ADALAH DIPERINTAHKAN
bahawa penyampaian saman tersebut
dilakukan ke atas kamu dengan
menyiarkan satu salinan Notis
Pemberitahuan Menurut Perintah
Penyampaian Ganti ini dalam satu
keluaran akhbar "PELITA BRUNEI" dan
bahawa penyampaian tersebut hendaklah
dianggap sebagai penyampaian yang sah
dan mencukupi ke atas kamu.

**DAN SILA AMBIL PERHATIAN
SELANJUTNYA** bahawa jika kamu tidak
hadir, waran tangkap atau sesuatu perintah
boleh dibuat terhadap kamu sebagaimana
yang difikirkan patut oleh mahkamah.
Kehadiran kamu boleh diketepikan dengan
syarat wang penghakiman yang terhutang
kepada KERAJAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM, iaitu \$505.00 dan kos
\$400.00 dibayar secepatnya.

Bertarikh 13 Mac 2021.

MAJISTRET

Notis Pemberitahuan Menurut Perintah
Penyampaian Ganti ini difailkan oleh
Pejabat Peguam Negara, Peguambela dan
Peguamcara bagi Plaintiff, yang alamat
penyampaiannya adalah di Pejabat
Peguam Negara, Bangunan Undang-
Undang, Bandar Seri Begawan, BA1910,
Negara Brunei Darussalam.



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
PPN / ASSET / AGC / QTN / 2021 / 3 / 1

NAMA TAWARAN :
QUOTATION FOR SUPPLY,
DELIVERY AND INSTALLATION OF
WORKSTATIONS AT ATTORNEY
GENERAL'S CHAMBERS,
JALAN RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA, BA1910,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)



Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 20 April 2021, jam 2.00 Petang



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DI DALAM MAHKAMAH
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN

KES NO. BCY / CP / 291 / 2012

BAIDURI FINANCE BERHAD
(previously file by HSBC Finance (B))
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

HJH ROHANI BINTI HJ JELUDIN
(BYIC No. 00-049692)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah
Penerimaan yang di buat terhadap
Penghutang berikut pada 13 April 2013
telah **dibatalkan pada 14 Januari 2021.**

Nama Penghutang :
HJH ROHANI BINTI HJ JELUDIN

Alamat Penghubung :
No. 16, Kg. Delima Satu, Jalan
Kebangsaan Berakas, BB4713, Negara
Brunei Darussalam.

Bertarikh : 3 Mac 2021

**DK SITI NURSU'AIIDAH BINTI PG
JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN**
Timbalan Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 420 / 2011

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

AWG ABDUL SUFRI BIN RASHID
(BYIC No. 00-127382)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah
Penerimaan yang di buat terhadap
Penghutang berikut pada 12 Januari 2013
telah **dibatalkan pada 9 Januari 2021.**



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN

KES NO. BCY / CP / 572 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

MUHAMMAD BAKRI BIN HAJI TAHIR
(BYIC No. 00-256735)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
10 Disember 2020.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4)**
Mahkamah Besar pada **8 April 2021, jam
9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di
sana bukti-bukti kamu mestilah

Nama Penghutang :
AWG ABDUL SUFRI BIN RASHID

Alamat Penghubung :
No.12, Simpang 1, Jalan Keruak, RPN
Kg. Panaga, Kuala Belait, , Negara Brunei
Darussalam.

Bertarikh :3 Mac2021

**DK SITI NURSU'AIIDAH BINTI PG
JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN**
Timbalan Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 118 / 2010

BAIDURI BANK BERHAD
(previously file by HSBC Finance (B)
Bhd)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

ABD AZIZ BIN HJ MD JALI
(BYIC No. 00-063037)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah
Penerimaan yang di buat terhadap
Penghutang berikut pada 6 Novembr 2010
telah **dibatalkan pada 23 Januari 2021.**

Nama Penghutang :
ABD AZIZ BIN HJ MD JALI

Alamat Penghubung :
No. 5, Spg.. 363-30-24, RPN Kg. Pandan
8, Kuala Belait KA2131, Negara Brunei
Darussalam.

Bertarikh : 3 Mac 2021

**DK SITI NURSU'AIIDAH BINTI PG
JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN**
Timbalan Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

diserah-simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
diperjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang
adalah ditetapkan pada **8 April 2021, jam
9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah
menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya
yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan juga
sebab kegagalannya.

Bertarikh : 10 Mac 2021

**NUR ELEANA BINTI
DSP HAJI HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN

KES NO. BCY / CP / 343 / 2018

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyen

NORSEJALIA BINTI AWANG SALLEH
(Kad Pengenal Brunei No. 01-045234
- Kuning)
- Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah
dibuat terhadap Penghutang berikut pada
20 Februari 2021.

Nama dan alamat Bankrap :
NORSEJALIA BINTI AWANG SALLEH
No. 160 'R', Kg. Saba Darat 'B'
BSB, BR1526
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : 22 Januari 2021

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada
Bankrap yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan Borang-Borang Bukti
Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut
di atas hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 4 Mac 2021

**HJH NOOR AMALINA BINTI DP HAJI
ALAIHUDDIN**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 382 / 2015

BAIDURI FINANCE BERHAD
- Pemiutang / Pemetisyen

LAKSAMANA BIN AWANG TUAH
(Kad Pengenal Brunei No. 00-273611
- Kuning)
- Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah
dibuat terhadap Penghutang berikut pada
25 Februari 2021.

Nama dan alamat Bankrap :
LAKSAMANA BIN AWANG TUAH

No. 696 B, Spg. 84-58-30
Jln. Singa Menteri, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : 23 Disember 2015

b. Semua si piutang-si piutang kepada
Bankrap yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan Borang-Borang Bukti
Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut
di atas hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 6 Mac 2021

**NUR ELEANA BINTI DSP HAJI HAIROL
ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 83 / 2017

BAIDURI FINANCE BERHAD
previously filed HSBC Finance (B) Bhd
- Pemiutang / Pemetisyen

NORHAYATI BINTI MOHD ALI
(Kad Pengenal Brunei No. 00-293889
- Kuning)
- Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah
dibuat terhadap Penghutang berikut pada
20 Februari 2021.

Nama dan alamat Bankrap :
NORHAYATI BINTI MOHD ALI
No. 25, Spg. 5, Kg.Sungai Buloh,
Jalan Kota Batu, Menteri BU1229
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : 29 Disember 2020

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada
Bankrap yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan Borang-Borang Bukti
Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut
di atas hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 4 Mac 2021

**HJH NOOR AMALINA BINTI DP HAJI
ALAIHUDDIN**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM
KELAS : II & III
KATEGORI : KA01, B01, KPB02 &
KPB11**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSETE001 / 2021**

**NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN, MENCAT
DAN YANG BERKAITAN BAGI MASJID
UTAMA MOHAMMAD SALLEH PEKAN
BANGAR, DAERAH TEMBURONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NO. PROJEK :
2021DBSETM / JKR001**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**



**Tarikh Tutup :
13 April 2021 (Selasa)
jam 2.00 Petang.**



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 168 / 2014**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PENGIRAN SAIFUL RIZAL BIN PENGIRAN HAJI PATRA** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **anak lelaki** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 231 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **JUFFRI BIN HAJI KIPLI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ABD WAHID BIN HAJI HASSAN** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **orang yang dipercayai** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Maci 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 315 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **KEMARIAH BINTI HAJI MOHAMAD AMIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHAMMAD JUFRI BIN HAJI JALUDIN** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **balu** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

SURAT KUASA PUSAKA :

NO. LA / BSB / 317 / 2020

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **KAMIS BIN HAJI TUJOH dan SARIMAN BIN HAJI OSMAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **BESAR BIN TUJOH** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **ahli keluarga terdekat** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 324 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SHARIMIN HAIRUL BIN HAJI SHARBINI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI SHARBINI BIN AHMAD** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **anak lelaki** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 355 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MORSIDI BIN ABDUL RASHID** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MUHAMMAD KHAIROL MAHDI BIN ABDUL RASHID** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **abang kandung** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 359 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **JUNAIDAH BINTI AWANG HAJI JAMAIN**

kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN HAJI KAHAR** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **balu** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 401 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PENGIRAN HAJAH KARTINI @PENGIRAN HAJAH SA'ADA ASHRAFA BINTI PENGIRAN HAJI METARSHAD** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN HAJI METARSHAD BIN PENGIRAN HAJI METASSAN** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **anak perempuan kandung** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 405 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **RAJAE BIN ABDUL RAZAK** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **NORAINI BINTI TUAH** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **Bapa** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 421 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DATIN HAJAH DAYANG JALIAH BINTI HAJI MOMIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ABDUL AZEEM LIM BIN HAJI ZAIMI LIM** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **ibu kandung** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu

dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 424 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH NORMAH BINTI HAJI BESAR** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH HALIMAH BINTI HAJI BESAR** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **adik perempuan** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 449 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SITI WAHIDAH BINTI YUNOS** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ZUNIDI BIN MD YUNOS** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **adik perempuan** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 490 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **FUNG KONG CHUONG** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **TEN SO WAN** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **suami** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Mac 2021.

(MOHAMMAD FIKRI FATHUDDIN
BIN ASSOKAN)

Penolong Pegawai Waris
Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

PELAKSANAAN PROGRAM UNTUK KESELAMATAN SEMUA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Pemberian vaksin ini adalah bukan untuk diri sendiri tetapi untuk seluruh rakyat di Negara Brunei Darussalam (NBD). Selaku petugas barisan hadapan adalah amat penting sebab kerja yang dilakukan ini banyak terdedah

kepada orang ramai.

Juruterbang Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB), Kapten Yuri Leeka bin Hamidon berkata mengenai perkara tersebut semasa Pelaksanaan Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 di seluruh negara yang

berlangsung di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), hari ini, di sini.

Tugas sebagai Juruterbang RB, jelasnya lagi, amat sukar khususnya semasa pandemik COVID-19 ini apatah lagi ketika menjalankan tugas kerana terpaksa melakukan saringan berulang-ulang dan semasa terbang ke sebuah negeri, pihak kakitangan RB tidak dibenarkan keluar dari pesawat selagi ada

penumpang.

Setelah ada vaksin ini jelasnya, amat mudah kerja dilakukan ketika dulu pihak RB menggunakan peraturan yang memudahkan pihak RB berkomunikasi dengan penumpang tetapi buat masa ini amat sukar kerana untuk keselamatan semua. Dengan adanya vaksin ini ia amat yakin untuk orang ramai mengambil dos vaksin nanti.

"Vaksin ini akan dilakukan sebanyak dua kali dan akan menunggu lagi bulan Mei bagi memenuhi vaksin tersebut. Kita perlu pastikan walaupun sudah divaksin tetapi kita perlu juga mematuhi prosedur Kementerian Kesihatan agar menjaga kebersihan dan penjarakan sosial selagi COVID-19 ini masih ada melusar di seluruh dunia," jelasnya.

Menurutnya lagi, pihak RB ada



JURUTERBANG Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Kapten Yuri Leeka bin Hamidon semasa ditemu bual.

mempunyai program untuk menghantar barisan hadapan RB untuk divaksin. Diharap agar orang ramai jangan melambatkan dan mendaftar untuk mendapatkan vaksin secepatnya.

Peluang menderma darah

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan mengadakan beberapa Kempen Derma Darah pada bulan ini.

Pada 6 April ini, kempen diadakan di Dewan Atria Simpura, Aras Bawah, Jabatan Kerja Raya (JKR) di mana kempen anjuran JKR itu akan diadakan pada jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Pada 10 April ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) akan menganjurkan kempen serupa di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat JBP. Kempen tersebut akan bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Sementara itu, pada 11 April, Indian Community menganjurkan

kempen serupa di Pusat Promosi Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Berakas dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Seterusnya, Pusat Pendermaan Darah juga memaklumkan bahawa pada ketika ini, pusat berkenaan mengalami stok bekalan darah yang sangat rendah dan masih memerlukan semua jenis darah bagi kegunaan pemindahan darah pesakit-pesakit di semua hospital-hospital kerajaan.

Bantuan orang adalah sangat-sangat diharapkan. Dalam masa yang sama, Pusat Pendermaan Darah akan beroperasi seperti biasa. Orang ramai bolehlah mengunjungi pusat ini pada waktu bekerja untuk menderma darah.

Orang ramai juga dibolehkan untuk menggunakan tempat letak kereta berbayar di Blok 10 secara

percuma selama dua jam dan diingatkan untuk membawa tiket letak kereta semasa menderma darah.

Waktu pendaftaran menderma darah di Pusat Pendermaan Darah adalah setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 8.00 pagi hingga 11.45 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Dalam pada itu, orang ramai juga diingatkan untuk mengimbas Kod QR dan mengamalkan penjarakan sosial di tempat-tempat kempen derma darah diadakan.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut atau membuat tempahan bagi mengadakan Kempen Derma Darah, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 / 6002 atau e-mel kepada bloodbank@moh.gov.bn dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook, [@bloodbank.ripas](https://www.facebook.com/bloodbank.ripas).

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Mahirkan pelajar dalam penggunaan bahasa Arab

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Sekolah Arab Rimba

RIMBA, Sabtu, 3 April. - Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan antara perkara asas yang perlu ada dalam setiap individu dalam mempelajari sesuatu bahasa.

Setiap pelajar hendaklah mampu memahami dan bertutur dalam bahasa Arab dengan fasih kerana ia merupakan bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran agama di sekolah-sekolah Arab.

Pemangku Pengarah Pengajaran

Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamsol bin Haji Omar menekankan perkara tersebut dalam Program Bulan Bahasa Arab, bertempat di Dewan Sekolah Arab Rimba, di sini.

Tegasnya, kemahiran bertutur dan berkomunikasi melalui pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah masih berada pada tahap sederhana kerana kurang praktikal penggunaan bahasa ini dalam interaksi seharian.

Justeru jelasnya, pelancaran Bulan Bahasa Arab Jabatan Pengajian Islam (JPI) adalah salah satu inisiatif dan usaha jabatan ke arah meningkatkan penguasaan dan kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar dan semua warga sekolah serta jabatan yang berkenaan.

Tambahnya, malahan bermula bulan Syaaban 1442 Hijrah ditetapkan sebagai Bulan Bahasa Arab.

Oleh itu, beliau menyeru agar kita sama-sama meraikannya dengan program-program dan aktiviti-aktiviti pendidikan yang bersesuaian untuk meningkatkan dan mengukuhkan kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar dan guru bermula dengan pelancaran Bulan Bahasa Arab dengan tema 'Bahasa Arab Bahasa Al-Quran'.

"Sepertimana yang kita sama-sama ketahui, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara peribadi menaruh harapan tinggi agar pelajar-pelajar sekolah Arab mampu menguasai dan bertutur dalam Bahasa Arab dengan fasih.

"Kerana itu, majlis dan program ini diadakan sebagai salah satu usaha JPI menyokong dan

merealisasikan hasrat baginda ini. InsyaaAllah program seperti ini tidak terhad untuk pelajar-pelajar sekolah Arab, malah juga bagi pelajar di sekolah-sekolah agama," ujarnya lagi.

Ini kerana tambahnya, bahasa Arab merupakan bahasa yang istimewa dan sempurna kerana struktur ayat, tatabahasa, pembentukan perkataannya, bahkan ia adalah bahasa Al-Quran.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Tenaga Pengajar Sekolah Arab Rimba, Awang Md. Yaasir bin Dr. Haji Ibrahim dan diikuti dengan ucapan daripada Pengetua Sekolah Arab Rimba, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor selaku Pengerusi Bersama Majlis dan seterusnya merasmikan Program Bulan Bahasa Arab.

Majlis juga diisikan dengan forum bahasa Arab bertajuk 'Nanhu Wal Lughah Alarabiyyah' yang disampaikan oleh para pelajar dari Tahun 8 dan Tahun 9.

Majlis yang diungkuhkan oleh Sekolah Arab Rimba dengan kerjasama JPI, KHEU merupakan satu inisiatif bagi memupuk minat dan kecenderungan para pelajar serta meningkatkan keupayaan pelajar menggunakan dan menuturkan perkataan dalam bahasa Arab dengan fasih dan lancar.

Ia juga dihasrat agar para pelajar semakin mahir menggunakan kalimah yang mudah, sekali gus mampu membentuk ayat daripada



PEMANGKU Pengarah Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar semasa berucap.

kalimat yang mudah tersebut. Melalui program ini juga, para pelajar diharapkan akan membentuk sikap bekerjasama (*teamwork*) dan saling mengambil berat antara satu sama lain.

Selain itu, objektif program adalah untuk memahirkan para pelajar dalam penggunaan bahasa Arab; menggalakkan para pelajar untuk menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar; meningkatkan keupayaan para pelajar berkomunikasi dengan bahasa Arab yang mudah; dan memupuk kerjasama antara pelajar ketika menjalankan aktiviti.



PARA pelajar yang menyertai program tersebut.

Majlis Silaturahmi : Beri peluang bersua, berkumpul

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

KIULAP, Ahad, 4 April. - Kira-kira 120 orang mantan guru dan murid yang pernah mengajar dan menuntut di Sekolah Melayu Sungai Kebun sejak tahun 1963 hingga 2016 bertemu kembali pada Majlis Silaturahmi yang julung kali dianjurkan, dihasratkan untuk memberi peluang bersua dan berkumpul beramai-ramai dan mengukuhkan kembali ikatan silaturahmi yang telah lama terjalin.

Majlis yang berlangsung di Restoran Higher Hotel, Kiulap itu juga bertujuan untuk menemukan kembali mantan guru dan murid dalam suasana ukhuwah di mana masing-masing berpeluang mengimbau kenangan manis bersama rakan-rakan dahulu. Acara didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan bacaan Tahil dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh salah seorang mantan murid, Awang Haji Jadid @

Haji Matsuni bin Haji Damit. Dalam ucapan alu-aluannya, Mantan Guru Sekolah Melayu Sungai Kebun, Awang Haji Bakir bin Untung melahirkan perasaan berbangga apabila menyaksikan hasil titik peluh para mantan guru adalah berbaloi dengan melihat mantan murid-murid berjaya dalam kehidupan dan kerjaya masing-masing. "InsyaaAllah, kami akan terus berdoa, semoga abiskita iaitu mantan murid-murid kami akan terus berjaya di kehidupan dan bidang usaha masing-masing dalam pelukan keluarga tercinta," ujarnya.

Selaku Pengerusi Majlis tambahnya, beliau mengharapkan agar majlis yang julung kali diadakan itu akan dapat menjadi satu landasan untuk para mantan guru dan murid terus bersahabat dan menjalin silaturahmi bagi mendapatkan reda Allah Subhanahu Wata'ala jua. Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim yang bersekolah di Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar Sungai Kebun dan penyerahan sumbangan bantuan kepada keluarga mangsa rumah roboh di Kampung Peramu, yang berlaku baru-baru ini. Acara majlis juga diserikan dengan cabutan nama bertuah dan juga menyaksikan *slide show*. Sejarah penubuhannya, Sekolah Melayu Sungai Kebun mula dibuka dan beroperasi pada tahun 1963 dan digunakan sehingga tahun 1977 (tapak sekarang dibangunkan Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun) sebelum berpindah pada tahun 1978 ke bangunan baharu yang digunakan sehingga tahun 2016 (Kawasan Sungai).



MANTAN Guru Sekolah Melayu Sungai Kebun, Awang Haji Bakir bin Untung semasa berucap.



Pada tahun 2017, sekali lagi sekolah ini berpindah ke Bangunan Sekolah Baharu yang terletak di atas bukit Jalan Lumapas dan digunakan sehingga sekarang serta dikenali sebagai Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar Sungai Kebun. Antara kejayaan sekolah tersebut ialah berjaya melahirkan murid-murid yang sehingga kini berjaya memegang jawatan tertinggi antaranya menjadi Menteri, Setiausaha Tetap, pengarah, ketua jabatan, pegawai kanan, pensyarah, guru-guru, pengusaha dan banyak lagi.

SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

BANTERAS 'KIJANG' : 13 KOMPAUN DIKELUARKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengangkutan Darat

GADONG, Sabtu, 3 April. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) meneruskan operasi penguatkuasaan peraturan dan undang-undang jalan raya bagi membanteras kenderaan-kenderaan jenis 'Kijang' yang mencurigakan, dari segi tahap keselamatannya, yang diguna pakai di jalan raya, di kawasan Beribi, Gadong baru-baru ini. Semasa operasi dijalankan, sejumlah 11 kenderaan dikeluarkan 13 kompaun, melibatkan 11 pemandu, warga negara asing, yang didapati menggunakan kenderaan-

kenderaan bagi tujuan komersial juga melanggar Akta dan Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Penggagal 68). Manakala itu, sejumlah empat kenderaan persendirian, melibatkan empat pemandu, warga asing, juga didapati melanggar Akta dan Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Penggagal 68). Berdasarkan hasil operasi ini, pihak JPD dan PPDB mendapati pelbagai kesalahan melibatkan kenderaan-kenderaan jenis 'Kijang', di mana didapati dipandu dalam keadaan yang mencurigakan, dari segi tahap

keselamatannya, seperti tayar kenderaan botak; badan kenderaan yang tidak baik dan rosak; tali pinggang keselamatan yang sudah rosak; lantai dalam kenderaan yang berkarat dan bocor; kerusi dalam kereta tidak selamat kerana rosak dan tajam; lampu kenderaan yang tidak berfungsi dengan baik; dan kenderaan yang diubah suai dalamannya bagi tujuan menjalankan perniagaan dan membawa barangan, ikan, peralatan elektrik dan sebagainya.

Semasa operasi pemeriksaan, pemeriksaan ke atas lesen memandu terhadap pemandu atau pengendali kenderaan juga dilaksanakan.

Mengenai kenderaan-kenderaan yang mencurigakan tahap keselamatannya, yang didapati dipandu di jalan raya, kerjasama semua pihak adalah sangat diharapkan dalam sama-sama menjamin keselamatan bersama di jalan raya.

Peranan bengkel-bengkel kenderaan adalah penting untuk memberikan perkhidmatan yang baik dan profesional.

Pemeriksaan kenderaan-kenderaan oleh Stesen-stesen Pemeriksaan Kenderaan (Vehicle Inspection Station - VIS) yang dilantik oleh JPD juga sangat penting dalam sama-sama memastikan kenderaan-kenderaan adalah benar-benar layak untuk dipandu di jalan raya.

Pihak JPD juga menjalankan pemeriksaan ke bengkel-bengkel kenderaan di negara ini dan VIS, juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan jika didapati melanggar peraturan dan syarat-syarat berkenaan.

Pada kesempatan ini, JPD sekali



JABATAN Pengangkutan Darat (JPD) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) meneruskan operasi penguatkuasaan peraturan dan undang-undang jalan raya bagi membanteras kenderaan-kenderaan jenis 'Kijang' yang mencurigakan.

lagi ingin mengingatkan kepada orang ramai, khususnya pemilik-pemilik kenderaan untuk meningkatkan kewaspadaan mengenai tahap keselamatan kenderaan mereka dan bagi pengguna jalan raya umumnya, untuk sentiasa mematuhi peraturan juga undang-undang lalu lintas jalan raya dan meningkatkan kewaspadaan kepada semua pengguna jalan raya bagi memastikan tahap keselamatan jalan raya adalah terjamin, di samping memandu dengan berhemah dan cermat supaya biskita sampai ke destinasi dengan selamat.

JPD juga ingin mengingatkan kepada majikan atau syarikat untuk bekerjasama memastikan pekerja-pekerja asing, yang di bawah jagaan mereka, khususnya yang diambil bekerja sebagai pemandu atau pembawa kenderaan untuk bekerjasama dalam sama-sama memastikan pekerja-pekerja berkenaan mematuhi peraturan atau undang-undang jalan raya

di negara ini. Pihak JPD dan PPDB akan sentiasa memantau penggunaan kenderaan yang mencurigakan, dari segi tahap keselamatannya, terutama dengan terjadinya kemalangan jalan raya berpunca daripadanya.

JPD sangat mengalu-alukan kerjasama orang ramai yang memberikan maklumat mengenai sebarang pelanggaran peraturan atau undang-undang jalan raya kerana sebarang tindakan boleh menyumbang untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.

Untuk mengambil tindakan, orang ramai bolehlah memberikan keterangan lengkap, seperti tempat, waktu, jenis atau nombor pendaftaran dan jenis kesalahan dengan menghubungi Talian Darussalam 123 atau melalui Aplikasi WhatsApp Talian Darussalam +673 8333123 atau melayari laman Sesawang Talian Darussalam www.123.gov.bn dengan menyertakan gambar mengenai kenderaan terbabit.



SALAH sebuah kenderaan Kijang yang diubah suai di dalamnya.

PRIHATIN TERHADAP MASYARAKAT YANG MEMERLUKAN



KAMPUNG LAMBAK KANAN, Ahad, 4 April. - Purih Kampung Pandai Besi (PKPB) telah menyumbangkan derma sejumlah BND3,155 kepada sembilan orang warga Kampung Pandai Besi (KPB) pada Aktiviti Penyampaian Sumbangan Derma Program Jejak Kasih PKPB.

Mereka yang menerima sumbangan terdiri dari dua orang warga KPB kurang upaya dan tujuh orang warga KPB kurang berkemampuan. Majlis Penyampaian Sumbangan Derma tersebut diadakan di No 6, Simpang 332, Jalan 77, Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan, hari ini, di sini.

Penyampaian derma berkenaan disempurnakan oleh Penasihat dan Bendahari PKPB, Awang Haji

Durahim bin Hassan yang juga merupakan Pemangku Ketua Kampung Bunut Perpindahan.

Para penerima selain menerima wang tunai BND355 seorang, mereka juga menerima sumbangan barangan dapur seperti beras, minyak masak, gula, minuman kordial dan barangan tin.

Program yang telah berjalan sejak tahun 2018 itu khas memfokuskan bagi membantu golongan warga atau purih KPB yang kurang berkemampuan dan warga KPB kurang upaya sempena bulan Ramadan pada tahun ini yang bakal menjelang.

Adapun program berkenaan digerakkan oleh Kumpulan PKPB sebagai sebahagian tanggungjawab sosial dalam

memeduli dan prihatin terhadap kebajikan dan kehidupan penduduk KPB, sesuai dengan moto penubuhan PKPB pada 30 September 2017, iaitu 'Beramal, Berkebajikan dan Bersilaturahmi'.

Di samping itu, Program Jejak Kasih ini juga bagi menyantuni golongan-golongan yang memerlukan bantuan dengan hasrat ke arah memberikan sinar keceriaan kepada warga berkenaan dalam menyambut Ramadan yang mubarak lagi penuh keberkatan.

Majlis pada petang itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Mohd Qistie bin Haji Dzulkifli.

Selepas itu diikuti dengan ucapan

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

PENASIHAT dan Bendahari Purih Kampung Pandai Besi (PKPB), Awang Haji Durahim bin Hassan yang juga merupakan Pemangku Ketua Kampung Bunut Perpindahan semasa menyampaikan derma kepada penerima.

"Majlis-majlis perjumpaan sering diadakan seperti Hari Raya Aidilfitri, Aidiladha dan apa jua Hari-hari Kebesaran Islam sering diadakan, tidak lain tujuannya ialah untuk mempertemukan semua ahli keluarga," jelasnya lagi.

Sempena bulan Ramadan bakal menjelang tiba, majlis berkenaan juga diselenggarakan dengan Bacaan Tahlil dan Doa Arwah dikepalai oleh Awang Mohd. Qistie bin Haji Dzulkifli.

Pameran Gambar-Gambar Sekitar Aktiviti Penyampaian Sumbangan Derma Program Jejak Kasih PKPB pada tahun 2018 hingga 2020 dan sumbangan-sumbangan derma yang lain juga telah diadakan sebagai perbarigaan dan ristaan PKPB.

alu-aluan oleh Pengerusi PKPB, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Zainal yang antara lain berkata bahawa purih juga akan berusaha sedaya upaya bagi menyatupadukan penduduk kampung yang sudah berpindah ke kampung lain bagi sama-sama mengeratkan lagi silaturahmi, mengenang masa silam semasa berada di kampung berkenaan.

DARI MAHKAMAH

3 bulan penjara kerana memakan dadah terkawal

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Akibat memakan dadah terkawal, seorang wanita warga tempatan dijatuhkan hukuman tiga bulan penjara di Mahkamah Majistret, hari ini.

Majistret Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman menjatuhkan hukuman ke atas Pengiran Nur Asyiqin binti Pengiran Nasir (defendan) setelah gagal membayar denda sebanyak BND1,500.

Pengiran Nur Asyiqin didakwa melakukan aktiviti penyalahgunaan dadah semasa serbuan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik di kediamannya di Rancangan Perumahan Negara Lumut, Kuala Belait.

Pada hari yang sama, iaitu pada 29 Oktober 2019, kira-kira jam 8.45 malam, defendan dibawa bagi menjalani ujian air kencing dan hasil ujian air kencing tersebut didapati mengandungi positif Kelas 'A', iaitu dadah jenis syabu.

Dalam kenyataan pendakwaan yang dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Abdul Wafi bin Husain, defendan terlibat di bawah Seksyen 6(b) memakan dadah terkawal Methylamphetamin dan sebelum ini defendan tidak mempunyai rekod Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Gagal bayar denda : Dipenjara 13 bulan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 April. - Padah memiliki barang tegahan, seorang lelaki, warga tempatan, mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman 13 bulan penjara setelah gagal membayar denda BND22,800, di Mahkamah Majistret, baru-baru ini.

Pemangku Majistret Kanan Pengiran Hazirah binti Pengiran Mohd. Yusof menjatuhkan hukuman itu ke atas Md. Yusra bin Liadin (defendan) kerana didakwa memiliki 70 botol dan 717 tin minuman keras.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei di Perairan Sungai Brunei berhampiran Pulau Bedukang, pada 2 November 2020.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Kastam dan Eksais, Awangku Muhammad Afiq bin Pengiran Haji Nordin di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006. Kesemua barang terlibat dihukum rampas untuk dimusnahkan.

Percubaan seludup dipatahkan



PELBAGAI barangan tegahan ditemukan semasa pemantauan di kawasan kebun Kampung Piasau-Piasau, Daerah Temburong pada 3 April 2021 sekitar jam 10.00 malam.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Ahad, 4 April. - Strategi rondaan dan pemantauan jenayah yang berterusan keanggotaan Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) membuahkan hasil setelah percubaan untuk membawa masuk barangan seludupan tegahan berjaya digagalkan baru-baru ini.

Kegiatan berkenaan terbongkar berikutan pemantauan yang dilakukan di kawasan kebun Kampung Piasau-Piasau, Daerah Temburong pada 3 April 2021 sekitar jam 10.00 malam.

Semasa kejadian, pasukan peronda terserempak dengan dua

buah kenderaan yang didapati keluar dari jalan kebun dalam keadaan mencurigakan dan terus memecut lari apabila mengetahui kehadiran pihak polis.

Kenderaan-kenderaan tersebut telah berjaya ditemui di mana sebuah daripadanya terlibat di dalam kemalangan dan pemandunya telah melarikan diri. Manakala sebuah kenderaan lagi berjaya ditahan bersama pemandu dan seorang penumpang di kawasan Jalan Kampung Labu Estate.

Kenderaan, penemuan barang-barang mencurigakan serta dua orang suspek dibawa ke Balai

Polis Bangar bagi menjalani siasatan awal dan diserahkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi siasatan lanjut.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut telah menemukan sejumlah 13 kotak berisi daging mentah (tongkeng ayam), 16 karton minuman keras, 15 karton rokok, sejumlah produk kosmetik dan kecantikan dan lain-lain pelbagai barangan seperti kopi, minyak urut serta topi jenis *trucker hat*.

PPDB serta agensi penguat kuasa undang-undang lain akan terus komited menjalankan usaha membanteras, merisik serta membuat pemantauan berterusan ke atas sebarang kegiatan jenayah yang berlaku berhampiran sempadan- sempadan Negara Brunei Darussalam.



Berani cuba lakukan sesuatu

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Citra Mahligai Bridal

RAMAI dalam kalangan kitani begitu berminat untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan. Namun, bidang tersebut memerlukan orang yang memiliki sifat berani untuk mencuba dan jujur dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Berbekalkan sifat-sifat sedemikianlah yang menjadikan dua personaliti Belia Berwawasan kali ini berhasil dalam bidang perniagaan yang mereka ceburi iaitu memberikan perkhidmatan persediaan perkahwinan.

Citra Mahligai Bridal, mungkin nama yang agak baharu didengar. Perkhidmatan yang baharu berusia setahun lebih ini dimiliki bersama oleh belia-belia penuh dedikasi,

Mohammad Azmi bin Haji Ramli, berusia 32 tahun dan rakan kongsinya, Ali bin Raya/Mohd.Taib, umur 34 tahun.

Mengimbas sejarah awal penubuhan, mereka mula menceburi bidang tersebut setelah menimba pengalaman bekerja secara sambilan di salah sebuah butik perkahwinan di negara ini. Setelah mengetahui selok-belok dan trend semasa bidang berkenaan, mereka membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah perkhidmatan persediaan perkahwinan dengan hanya bermodalkan sebanyak

BND2,000. Dua rakan tersebut menggunakan modal sebanyak itu untuk membeli barang kelengkapan pelaminan dan set nikah dari negara jiran. Mereka memulakan operasi pada 1 haribulan Januari 2020 dengan menyediakan perkhidmatan persediaan perkahwinan seperti pelaminan, set nikah, gangsa dan juga gubahan hantaran. Ketika itu perniagaan dijalankan secara di atas talian dengan hanya memiliki sebuah set kelengkapan pelaminan dan set nikah.

Kesukaran untuk mendapatkan pelanggan pada bulan pertama beroperasi tidak mematahkan semangat Mohammad Azmi dan rakan kongsinya, Ali. Berkat sabar dan percaya rezeki itu sentiasa ada jika diiringi dengan usaha, akhirnya pada awal bulan Februari mereka menerima tempahan pertama bagi set pelaminan di Daerah Belait untuk majlis pertunangan.

Bermula dari itu, Citra Mahligai Bridal mula mendapat respon yang baik dan menggalakkan dari orang ramai yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan mereka. Berbagai usaha dilakukan oleh Mohammad Azmi dan Ali bagi mempromosi perkhidmatan mereka seperti melalui media sosial iaitu, facebook, instagram, whatsapp,

dan juga melalui stesen-stesen radio sehingga perkhidmatan mereka mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Ada ketikanya mereka terpaksa menolak tempahan para pelanggan memandangkan tempahan slot yang sudah penuh.

Cabaran

Tahun 2020 sememangnya tahun penuh cabaran bagi semua. Begitu juga bagi Citra Mahligai Bridal. Baharu saja mula dikenali pelanggan, kes pertama COVID-19 di negara ini secara tidak langsung menjejaskan perkhidmatan mereka bila mana para pelanggan telah membatalkan tempahan mereka dan Mohammad Azmi dan rakan kongsinya, Ali terpaksa memulangkan wang pendahuluan yang telah mereka terima disebabkan tempahan yang terpaksa dibatalkan. Mereka juga langsung tidak menerima sebarang tempahan, sepanjang tempoh tersebut. Ketika tidak menerima tempahan, mereka meluangkan masa untuk mendapatkan idea baharu, memperbaiki reka bentuk pelamin dan pada masa yang sama mereka sentiasa membuat iklan melalui media sosial, Facebook dan juga Instagram bagi memastikan kepada orang ramai bahawa Citra Mahligai Bridal masih wujud dan masih beroperasi.

Perancangan masa depan

Sebagai sebuah perkhidmatan yang baharu beroperasi, Mohammad Azmi dan

Ali berharap akan memiliki sebuah butik atau showroom sendiri memandangkan ketika ini mereka hanya beroperasi secara di atas talian. Dengan adanya butik atau showroom tersebut sudah setentunya akan memudahkan para pelanggan mereka melihat secara langsung perkhidmatan pelaminan yang disediakan dan berunding secara bersemuka dengan mereka dengan lebih selesa. Selain itu dengan adanya butik sendiri kami akan dapat membuka ruang pekerjaan untuk belia-belia yang berhasrat untuk memceburi bidang berkenaan dan sekaligus dapat mengembangkan dan memajukan industri kreatif di negara ini.

Harapan

Kepada belia yang sedang mencari pekerjaan, Mohammad Azmi dan rakannya berharap agar belia-belia kitani tidak memilih pekerjaan dan tidak bergantung pada sektor kerajaan semata-mata. Mereka juga berharap agar belia-belia tidak melepaskan peluang yang ada dalam bidang perniagaan dan bersaing secara sihat, di samping membantu mengembangkan ekonomi negara.

"Tidak perlu malu dan takut dalam melakukan perniagaan, keputusan terletak ditangan sendiri, mahu berusaha atau tidak. Jika nawaitu lurus dan jujur dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dan ingin memajukan diri," pesan Mohammad Azmi sebelum mengakhiri perbualan.



Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

HARI Kesedaran Autisme Sedunia merupakan hari yang diiktiraf antarabangsa pada 2 April setiap tahun, menggalakkan Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengambil langkah-langkah meningkatkan kesedaran tentang orang dengan Gangguan Spektrum Autisme (ASD) di seluruh dunia. Hari Kesedaran Autisme Sedunia atau World Autism Awareness Day (WAAD) yang disambut setiap 2 April setiap tahun bagi memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat agar lebih peka terhadap keadaan pesakit autisme.

Apakah Autisme itu? Mungkin ada sebahagian masyarakat yang tidak tahu atau kurang peka tentang autisme itu. Autisme merupakan gangguan perkembangan otak seseorang individu yang berkaitan dengan masalah hubungan sosial, masalah komunikasi, perubahan emosi, kurang kebolehan berimajinasi dan bermain malah anak autisme akan menunjukkan tingkah laku terhad dan berulang, lebih-lebih lagi berkaitan minat, aktiviti dan perangai serta berinteraksi secara sosial dan belajar seperti anak biasa.

Autisme dicirikan oleh interaksi sosial yang unik, cara pembelajaran yang tidak standard, berminat dalam subjek tertentu, kecenderungan kepada rutin, cabaran dalam komunikasi tipikal dan cara tertentu memproses maklumat deria.

Persatuan SMARTER Brunei

Persatuan SMARTER Brunei yang ditubuhkan pada 9 September 2001 dan telah didaftarkan secara rasmi di bawah Subseksyen (3) Bab 6 dari Akta Organisasi (Istilah 66) pada 29 Rabiulawal 1423, 11 Jun 2002 yang dikendalikan oleh ibu bapa dan ahli keluarga untuk ibu bapa dan ahli keluarga secara eksklusif untuk Individu dengan Autisme (IWA). SMARTER merupakan pertubuhan bukan kerajaan yang komited dalam menyediakan perkhidmatan kepada individu serta ahli

keluarga yang mempunyai autisme. Presiden Smarter pada masa ini ialah Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Sejak tahun 2003, SMARTER mempunyai lebih dari 300 keluarga berdaftar dan pada tahun 2021, terdapat sejumlah 118 anggota kehormat (individu dengan Autisme) yang kini mendaftar di tiga pusat SMARTER Brunei. Ini termasuk anggota penuh, ibu bapa, datuk nenek dan adik beradik (ahli keluarga yang berumur lebih dari 18 tahun), dan juga ahli biasa (ahli keluarga di bawah 18 tahun). Ketika ini, persatuan tersebut mempunyai tiga buah cawangan iaitu Pusat SMARTER Autisme EDGE yang terletak di Kampung Mata-Mata, Gadong, cawangan Kuala Belait serta Pusat Autisme Brunei bagi Orang Dewasa (BACA) yang terletak di Kampung Sungai Hancing.

Aktiviti dan acara SMARTER Brunei

Mulai tahun 2018, SMARTER Brunei, telah berjaya menganjurkan banyak acara, bengkel dan aktiviti lain yang memenuhi misi untuk memperoleh Autisme Friendly Society seperti Persidangan dan Bengkel Pengurusan Autisme.

Menghadiri seminar, persidangan dan Bengkel Antarabangsa

Sebagai sebahagian daripada matlamat SMARTER Brunei untuk terus memberikan amalan dan perkhidmatan berkualiti terbaik dalam pengurusan Autisme, SMARTER Brunei, sejak tahun 2002 telah menghantar ibu bapa, ahli keluarga dan ahli terapi untuk menghadiri Seminar, Persidangan dan Bengkel antarabangsa.

Sambutan Hari Kesedaran Autisme di Negara Brunei Darussalam

Sejak dilancarkan pada tahun 2008, Persatuan SMARTER Brunei menjadi organisasi utama di Negara Brunei Darussalam dalam menyambut WAAD pada setiap 2 April. Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia bukan sahaja

diharap untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai mereka yang mempunyai autisme tetapi juga supaya masyarakat akan mengetahui dengan lebih mendalam mengenai latihan dan pendidikan yang dilalui oleh para pelajar autisme. Oleh itu, marilah sama-sama memupuk kesedaran dalam diri agar setiap individu prihatin terhadap anak-anak autisme.

Di Negara Brunei Darussalam, Sambutan Hari Kesedaran Autisme juga disambut dengan pelbagai aktiviti. Pada tahun ini SMARTER Brunei telah meraikan Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia 2021 yang berlangsung di kawasan bawah Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS), Jalan Residency. Sambutan pada malam tersebut dimeriahkan dengan limpahan cahaya lampu berwarna biru yang dapat dilihat di Jambatan RIPAHS sebagai tanda memperingati Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia yang diraikan pada setiap 2 April.

Cabaran yang dihadapi

Bagi ibu bapa yang mempunyai anak autisme, adalah satu cabaran yang memerlukan kesabaran untuk menjaga anak autisme ini. Ibu bapa perlu membantu anak autisme untuk berdepan dengan dunia luar dengan menyesuaikan kehidupan masa kini yang lebih rumit serta jurang yang wujud dalam perkhidmatan intervensi bagi fasa remaja dan dewasa.

Setentunya adalah satu tugas besar dan rumit bagi ibu bapa untuk mendidik anak autisme mereka berbanding ibu bapa lain. Dalam hal ini kebijaksanaan ibu bapa untuk mendidik dan memahami kemahuan anak autisme mereka perlu ada kerana anak autisme ini sukar untuk diramal kelakuan mereka. Pendidikan dan kerjaya antara aspek perkembangan yang perlu diberi perhatian ketika proses membantu anak autisme membesar.

Cabaran lain pula adalah membantu

mereka untuk berupaya beradaptasi dengan perkembangan pendidikan, kerjaya dan kehidupan yang lebih rumit hari ini. Misalnya, pendedahan terhadap dunia digital yang boleh mengundang tekanan kepada sebahagian anak autisme yang belum bersedia untuk berhadapan dengan perubahan.

Begitu juga dengan salah tanggapan masyarakat atau orang yang tidak peka tentang autisme yang sering didengar ialah individu mempunyai autisme adalah seorang yang cacat mental, tidak boleh belajar atau diajar, berisiko menjadi ganas dan tidak terkawal, merbahaya kepada orang lain, serta sebagai sumber ancaman kepada keharmonian ibu bapa dan keluarga serta masyarakat setempat. Inilah asas kepada stigma yang telah lama berakar umbi dalam masyarakat. Membanteras stigma dan salah tanggapan umum masyarakat ini perlu digiatkan lagi secara berterusan. Jika pemikiran serta anggapan seperti ini tidak dibendung, tidak mustahil anak-anak autisme akan cenderung dalam dunia mereka sendiri.

Isu kesedaran perlu turut ditumpukan kepada penyebaran maklumat berkaitan penyedia perkhidmatan yang berkaitan dengan rawatan dan pemulihan serta pendidikan dan latihan kepada golongan individu autisme dan keluarga mereka. Ia lebih kepada kemudahan dari segi bagi mendapatkan rawatan dan intervensi yang sesuai pada masa yang tepat. Namun, isu ini memerlukan usaha sistematik dan bersepadu semua pihak dan melibatkan pelbagai agensi pada peringkat negara.

Masyarakat juga perlu memahami bahawa individu autisme ini sebagai kelompok masyarakat istimewa yang memerlukan kepada pelbagai intervensi, program dan pengurusan yang khusus dan istimewa untuk membantu mereka agar dapat menyumbang kepada kemajuan diri, keluarga, bangsa dan negara.

HULUR SUMBANGAN PERSEDIAAN RAMADAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengadakan aktiviti tahunan, iaitu Sirah Amal Ke-11 dalam semangat untuk mengalu-alukan bulan suci

Ramadan. Kakitangan bank berkenaan berganding bahu untuk memberikan keriang kepada keluarga yang dikunjungi dengan menyampaikan sumbangan dan



BANK Islam Brunei Darussalam mengadakan aktiviti tahunan, iaitu Sirah Amal Ke-11 dalam semangat untuk mengalu-alukan bulan suci Ramadan.

bantuan, berupa keperluan harian, barangan sembahyang dan pelbagai keperluan asasi untuk persiapan bulan Ramadan dan Syawal yang bakal menjelang.

Sirah Amal Ke-11 bermula pada 2 April lalu dengan mengadakan kunjungan dan menghulurkan bantuan kepada keluarga-keluarga di Daerah Brunei dan Muara juga dilanjutkan keempat-empat daerah.

Walaupun persekitaran bertambah baik, khususnya di negara ini walaupun pandemik COVID-19 melanda dunia, kakitangan bank masih terus mengamalkan dan mematuhi garis panduan pencegahan, termasuk penjarakan sosial dan fizikal.

Ketua Pegawai Pemasaran BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar mengulas, "Alhamdulillah, kami sangat gembira menyambut bulan suci Ramadan dengan usaha amal tahunan kami. Sirah Amal BIBD menyediakan platform yang baik bagi mereka untuk berkongsi keberkatan, khususnya dengan mereka yang kurang bernasib baik mereka dapat menikmati sambutan bakal menjelang dengan lebih gembira bersama keluarga mereka".

BIBD percaya bahawa menyokong semua orang dan mempromosikan kemasukan ke seluruh perniagaan dan



KAKITANGAN bank berkenaan berganding bahu untuk memberikan keriang kepada keluarga yang dilawati dengan menyampaikan sumbangan.

masyarakatnya sangat penting dalam memastikan kemajuan dan pembangunan negara menuju Wawasan Brunei 2035.

BIBD akan terus komited bagi mewujudkan pelbagai budaya untuk membantu masyarakat tahu bahawa mereka dihargai, dihormati dan diberi kuasa. Projek komuniti melestarikan tradisi dan cara hidup kita, membantu

masyarakat tempatan agar saling tolong-menolong.

Sirah Amal adalah salah satu daripada projek BIBD yang mempunyai kesan sosial yang paling meluas, di mana projek tersebut menerima sambutan positif daripada orang ramai, sekali gus membantu BIBD menetapkan kedudukannya sebagai Bank Pilihan Pertama Brunei.

32 pain darah berjaya dikumpulkan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 April. - Derma darah antara satu tindakan yang murni dalam menyempurnakan keperluan orang lain, khususnya pesakit yang dirawat.

Dalam usaha agar bekalan stok darah sentiasa ada dalam simpanan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum di Kementerian Pendidikan melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan dengan kerjasama Bahagian Tabung Simpanan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan hari ini mengadakan Kempen Derma Darah bersempena

Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37. Kempen yang diadakan di Dewan Utama, Bangunan Baharu Jabatan Perkembangan Kurikulum, di sini, berjaya mengumpul sebanyak 32 pain darah, yang diadakan bermula dari 9.00 hingga 11.30 pagi.

Kempen tersebut, antara lain memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Pendidikan juga orang ramai menderma bagi usaha membantu mereka yang memerlukan darah.

Tujuan kempen ini, selain memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan, ia juga bertujuan

untuk mengeratkan silaturahim di antara warga Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan orang awam juga membantu menambah tabung simpanan, sekali gus sebagai usaha menyelamatkan nyawa.

PEMERIKSAAN hendaklah dibuat terlebih dahulu sebelum menderma darah.



ANTARA yang hadir menderma darah.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Terapkan Budaya Kitar Semula'. Tarikh Tutup : 7 April 2021
2. 'Keutamaan Meminum Air Kosong'. Tarikh Tutup : 14 April 2021
3. 'Bersama Menjaga Kebersihan Alam Sekitar'. Tarikh Tutup : 21 April 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



DIPLOMAT ASING LAWAT XINJIANG

URUMQI, 4 April. - Lebih 30 orang termasuk Ketua Setiausaha Pertubuhan Kerjasama Shanghai

(SCO), Vladimir Imamovich Norov dan diplomat dari 21 negara mengunjungi Urumqi, Kashgar dan Aksu, wilayah Xinjiang pada 30 Mac hingga 2 April.

Lawatan itu bertujuan melihat

pembangunan ekonomi tempatan, kehidupan rakyat, pembinaan ekologi dan jaminan serta kebebasan beragama di wilayah itu.

Sebaik selesai melawat pameran bertemakan 'anti-keganasan dan de-ekstremisme' di Xinjiang, rombongan terdiri diplomat dari Armenia, Tajikistan, Belarus, Nepal, Azerbaijan, Moldova, Iran, Pakistan dan Rusia menyanjung dan menyokong usaha kerajaan China dalam membanteras kegiatan pengganasan.

Rombongan itu turut berinteraksi dengan petugas dan penduduk tempatan serta melihat aktiviti yang dijalankan ketika melawat Institut Islam Xinjiang, Masjid Baidasi di Urumqi dan Masjid Aitigaer di Kashgar.

Duta Iran di China, Mohammad Keshavarzadeh berkata laporan media Barat yang melibatkan Xinjiang tidak berasas. Tiada perbezaan ketara antara wilayah Xinjiang dengan tempat-tempat lain di China.

Vladimir Imamovich Norov pula

berkata taraf hidup rakyat Xinjiang kian meningkat dan ekonomi tempatan juga turut berkembang maju.

Kesemua pencapaian ini menunjukkan keprihatinan pimpinan kerajaan China terhadap kepentingan rakyat.

Sempena lawatan itu, delegasi rombongan juga melawat Bazar Besar Antarabangsa Xinjiang dan Kota Purba Kashgar untuk menghayati kebudayaan dan adat resam Xinjiang yang beraneka ragam. - ©BERNAMA

Gempa bumi sederhana melanda perairan laut Banda, Indonesia

KUALA LUMPUR, 4 April. - Gempa bumi sederhana bermagnitud 5.8 pada skala Richter dilapor menggegarkan perairan Laut Banda, Indonesia pada 2.42 awal pagi tadi.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), gempa bumi itu dikesan pada kedudukan 166 kilometer (km) dari selatan Ambon, Indonesia dengan kedalaman 340 km.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami kepada Malaysia. - ©BERNAMA

Sekolah di Sibul guna sistem penggiliran mulai Isnin

SIBU, 4 April. - Semua sekolah rendah dan menengah di Daerah Sibul akan memulakan sistem penggiliran kelas bermula esok bagi mengekang penularan COVID-19 di sekolah.

Menteri Muda Pendidikan dan Penyelidikan Teknologi Sarawak Dr Annuar Rapaee berkata langkah itu dibuat setelah mengambil kira faktor keselamatan dan kesesakan pelajar ketika berada di sekolah.

"Kita mahu mengurangkan pelajar di sekolah pada satu-satu masa. Pada minggu lepas semasa sesi persekolahan bermula, semua pelajar hadir sehingga menyebabkan berlakunya kesesakan," katanya dalam satu kenyataan melalui laman media sosial miliknya semalam.

Jelas Annuar bagi sekolah rendah Tahun 4, 5 dan 6, murid akan memulakan persekolahan pada Isnin, Rabu dan Jumaat manakala murid prasekolah, Tahun 1, 2 dan 3, bersekolah pada Selasa dan Khamis.

Katanya bagi sekolah menengah pula, pelajar Tingkatan 4 hingga 6 akan hadir seperti biasa, pelajar kelas peralihan dan Tingkatan 3 akan ke sekolah pada minggu pertama dan ketiga manakala pelajar Tingkatan 1 dan 2 pada minggu kedua dan keempat.

Annuar berkata pada hari pelajar tidak ke sekolah, mereka akan mengikuti sesi pembelajaran melalui kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Sementara itu, Annuar berkata seramai 223 calon di bandar Sibul yang tidak dapat menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru-baru ini disebabkan COVID-19 akan menduduki peperiksaan tersebut melalui penjadualan semula pada 6 hingga 23 April depan. - ©BERNAMA

Gagal memanfaatkan peluang di depan mata punca TFC II seri lagi

KUALA TERENGGANU, 4 April. - Gagal menyempurnakan peluang yang 'terhidang' di depan mata merupakan antara punca Terengganu FC II (TFC II) terpaksa berkongsi mata dengan PDRM FC selepas seri 1-1 dalam aksi Liga Premier di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, di sini malam tadi.

Keputusan seri ini merupakan yang kelima berturut-turut dicapai skuad bimbingan Badrul Afzan Razali yang sebelum ini seri dalam pertemuan dengan Kuching City FC (1-1), Negeri Sembilan (2-2), Kelantan FC (0-0) dan Sarawak United (0-0).

Badrul Afzan berkata anak buahnya menunjukkan aksi yang baik pada separuh masa pertama sehingga meledakkan gol pada minit 35 melalui sepakan dalam kotak penalti Mohammad Ramzi Sufian.

Namun, penghuni tangga keempat Liga Premier itu terleka apabila memasuki separuh masa kedua sehingga membuka ruang kepada skuad 'Sang Saka Biru' menyamakan kedudukan pada minit ke 49 melalui tandukan Alexander Amponsah.

"Saya sering ingatkan pemain, 10 minit terawal sama ada separuh masa pertama atau kedua, perlu fokus. Kita mempunyai peluang tetapi tidak menyempurnakannya dengan baik. Mungkin apabila mereka cuba menjaringkan gol, tetapi tidak berjaya jadi mereka pun putus asa," katanya dengan nada kecewa ketika ditemui pemberita selepas perlawanan itu di sini, malam tadi.

Sementara itu, pembantu jurulatih PDRM FC Eddy Gapil menyifatkan keputusan itu memberi semangat positif buat pasukannya yang kini menduduki tangga ke-10 liga.

Beliau berkata meskipun percaturannya pada separuh masa pertama tidak menjadi, namun pada separuh masa kedua para pemain bangkit memberi saingan yang sengit kepada tuan rumah.

"Apa yang kita rancang malam ini menjadi. Syukur dapat juga kumpul satu mata. Ini sudah cukup bermakna buat kami," katanya. - ©BERNAMA

Perkhidmatan kereta api kargo kukuhkan ikatan China - ASEAN

CHANGSHA, 4 April. - Perkhidmatan terus kereta api kargo dari China ke ASEAN kini sudah bermula menyaksikan perkhidmatan kargo Changsha (China) - Hanoi (Vietnam) yang pertama berlepas dari Stesen Kereta Api Antarabangsa Changsha, wilayah Hunan baru-baru ini.

Dengan muatan puluhan kontena 20 kaki (TEU) melibatkan produk perindustrian seperti botol kaca, silca, dan keluli mentah panas dan lain-lain akan tiba di

Hanoi dalam tempoh tujuh hari melalui Pintu Sempadan Pingxiang, wilayah Guangxi China.

Perkhidmatan kereta api Changsha-Hanoi akan disediakan seminggu sekali selepas beroperasi secara percubaan tiga bulan.

Menurut maklumat, hub kereta api China-Eropah dan China-ASEAN akan dibina di bandar Changsha setelah perkhidmatan kereta api China-ASEAN disediakan.

Untuk rekod, ASEAN telah menjadi rakan dagang terbesar China.

Statistik Jabatan Kastam Changsha menunjukkan jumlah perdagangan antara wilayah Hunan dengan 10 negara ASEAN meningkat 30.9 peratus kepada RMB81 bilion (RM51 bilion) pada tahun lepas, dan terus mencatat RMB10.15 bilion (RM6.39 bilion) iaitu meningkat 86.3 peratus pada Januari dan Februari tahun ini.

- ©BERNAMA

Sindiket perjudian dalam talian kaut keuntungan ribuan ringgit sehari tumpas

BUKIT MERTAJAM, 4 April. - Polis menumpaskan sindiket perjudian dalam talian yang mampu mengaut keuntungan ribuan ringgit setiap hari selepas menahan empat lelaki dalam serbuan di sebuah kondominium mewah, di Jalan Casa Residensi, di sini semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Pulau Pinang SAC Rahimi Ra'ais berkata polis menyerbu kondominium mewah itu pada 1 tengah hari hasil maklumat dan risikan yang dijalankan pihaknya sejak seminggu lepas dan menahan empat lelaki tempatan berusia 36 hingga 37 tahun.

"Serbuan itu dijalankan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7), JSJ Pulau Pinang dan siasatan awal mendapati premis yang disewa sindiket tersebut dijadikan 'calling center' atau pusat

panggilan untuk pertaruhan perjudian online (dalam talian).

Sindiket itu menyasarkan penduduk tempatan terutama warga emas dan warga Indonesia sebagai pelanggan dengan menggunakan beberapa laman web (sesawang) perjudian online," katanya ketika dihubungi hari ini.

Katanya sindiket itu menjadikan kondominium mewah itu sebagai lokasi pusat panggilan sejak sebulan lepas dan mereka berpindah randah dari satu lokasi ke lokasi yang lain bagi mengelak di kesan pihak berkuasa.

Rahimi berkata siasatan juga mendapati sindiket itu dipercayai beroperasi 24 jam sehari dengan pkerjanya bekerja secara shift dan menerima gaji RM3,000 setiap bulan.

Katanya dalam serbuan itu, polis merampas pelbagai peralatan antaranya tiga unit monitor

komputer, dua unit pemprosesan pusat komputer (CPU), modem, router dan dokumen serta peralatan lain yang dipercayai digunakan sindiket dalam operasi judi dalam talian itu.

"Sindiket itu dipercayai mengaut keuntungan ribuan ringgit sehari daripada kegiatan perjudian online tersebut dan semua empat lelaki tersebut kini direman untuk siasatan lanjut. Kes disiasat menurut Seksyen 4(1)(a), Seksyen 4(1)(b) serta Seksyen 4(1)(c) Akta Rumah Judi Terbuka 1953," katanya.

Beliau berkata polis memberi amaran kepada orang ramai agar tidak terbabat dengan kegiatan perjudian kerana tindakan tegas akan diambil terhadap penganjur serta pelanggan yang bermain atau berada di dalam premis yang menjalankan kegiatan haram itu. - ©BERNAMA

Richworks anjur program perniagaan dalam talian secara percuma

KUALA LUMPUR, 4 April. - Orang ramai yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan dipelawa menyertai Program Virtual Online Bina Bisnes Berjaya-Edisi Khas Nak Mula Berniaga anjuran RichWorks International Sdn Bhd (RichWorks).

Timbalan Naib Presiden Kanan RichWorks International Sdn Bhd (RichWorks) Radz Mohd berkata program itu yang akan dijalankan dari 23 hingga 25 April ini adalah percuma dan ditaja sepenuhnya oleh RichWorks.

"Bakal peserta cuma perlu membuat pendaftaran menerusi laman web di www.BinaBisnesBerjaya.com untuk menempah tiket hadir di program virtual online ini

"Mari kita beri peluang kepada

diri sendiri untuk sertai dan dapatkan sebanyak ilmu terbukti berjaya yang akan dikongsikan nanti bagi bantu anda mula dalam bisnes. Mulakan langkah anda sekarang, masih belum terlambat," katanya dalam kenyataan selepas pelancaran program itu.

Beliau berkata terdapat banyak peluang untuk menjana pendapatan dalam era digitalisasi ketika ini lebih-lebih lagi ketika orang ramai meluahkan banyak masa dengan aktiviti secara dalam talian seperti media sosial.

Selain itu, katanya terdapat juga usahawan yang tidak tahu cara untuk berniaga dengan betul menyebabkan mereka tidak dapat menjana hasil seperti diharapkan.

"Ada segelintir mereka hanya mula berniaga sebab terikut kawan

ataupun nak keuntungan cepat yang akhirnya buatkan ia tidak bertahan lama. Sebab itu ada yang tukar-tukar bisnes macam tukar baju," katanya.

Berkongsi lebih lanjut, Radz berkata mereka yang berminat menceburi bidang perniagaan boleh berjaya menerusi formula 'MESTI' iaitu mentor, 'elmu', sistem, tindakan dan impian yang dapat mengelakkan usahawan melakukan kesilapan yang boleh melambatkan kejayaan atau lingkup.

RichWorks yang diasaskan pada 2008, merupakan syarikat penganjur acara dan seminar terbesar dalam keusahawanan dan pemasaran di negara ini serta telah melatih dan membimbing lebih 1.1 juta orang dalam pelbagai industri. - ©BERNAMA

KPDNHEP dedah kegiatan usahawan salah guna istilah Francais



MELAKA, 3 April. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) hari ini mendedahkan kegiatan sesetengah usahawan yang menyalahgunakan istilah francais dan jualan langsung sebagai jalan mudah untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Timbalan Menteri Datuk Rosol Wahid berkata walaupun aduan yang diterima tidak banyak, KPDNHEP memandang serius masalah tersebut dengan sebahagian pelaku sudah dikenakan tindakan menurut Akta Francais 1988 serta Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993.

"Begitu juga dengan francaisor yang menekan francais mereka. Jadi, jika ada masalah yang timbul termasuk perjanjian yang tidak

ditunaikan, segera laporkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Industri Francais dan Jualan Langsung, Kempen Beli Barangan Malaysia KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM) 2021 peringkat negeri Melaka di sini.

Berhubung kebimbangan usahawan untuk menceburi bidang francais disebabkan kos yang tinggi, beliau berkata pelaksanaan program Pembangunan Francais Makro dilihat boleh mengatasi isu itu, khususnya bagi golongan B40 dan M40 yang berhasrat menceburi sektor berkenaan.

"Kita telah mengadakan perbincangan bersama pemain industri yang berpotensi untuk menawarkan pakej francais mampu milik yang relevan bernilai RM100,000 ke bawah dan francais

mikro bernilai RM50,000 ke bawah.

"Inisiatif ini akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan B40 dan M40 di samping menjaga pulangan keuntungan kepada francaisor," katanya.

Rosol seterusnya menggesa mereka yang berminat merebut peluang berkenaan memandangkan setakat ini terdapat 11 jenama francais yang menawarkan pakej mikro dan mampu milik, seperti Arjuna Village, Ani Sup Utara, Taska Bonda Mama, KopieSatu, MD Putu Bambu World dan Ayam D' Penyet.

Mengenai program jelajah francais berskala kecil Franchise Bay yang dilancarkan hari ini, beliau berkata program bertujuan memberi pendedahan tentang

sistem perniagaan francais yang wujud di negara ini. "Setakat ini terdapat 1,091 jenama francais yang berdaftar dengan 700 daripadanya adalah jenama tempatan.

"Kementerian menasarkannya sekurang-kurangnya 30 potensi francais baharu dengan nilai

potensi pelaburan sebanyak RM7.5 juta pada pameran Franchise Bay sepanjang tahun ini yang juga akan diadakan di Terengganu, Johor, Pahang, Selangor, Kedah dan Sarawak," katanya. - ©BERNAMA

Gajah liar naik minyak, pijak mati lembu dan musnahkan tanaman

GUA MUSANG, 3 April. - Kira-kira 30 penduduk Kampung Subong, di sini, mengalami kerugian mencecah RM50,000 apabila hasil tanaman pokok pisang musnah selepas diserang seekor gajah liar yang naik minyak, Khamis lepas.

Seorang penduduk, Zakaria Omar, 53, berkata sebanyak 300 pokok pisang musnah dan dua ekor lembu yang diternak juga mati dipijak gajah liar itu dalam kejadian yang berlaku antara pukul 10 malam hingga 3 pagi itu.

Zakaria berkata gajah liar itu dijumpai berkeliaran dalam kebunnya sejak dua minggu lepas dan didapati semakin mengganas sejak akhir-akhir ini, sehingga bertindak memijak dua ekor lembu ternakan yang

dilepaskan meragut di sekitar kebun getah berdekatan.

"Mungkin selepas pijak lembu itu, gajah terbabit memusnahkan 150 pokok pisang yang saya usahakan, yang baru sahaja keluaran hasil tiga bulan lalu dan belum sempat menjualnya," katanya ketika ditemui di kebunnya di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Zakaria berkata susulan kejadian itu, penduduk berasa takut untuk memasuki kawasan kebun sama ada bagi kerja menoreh getah atau menebang pokok pisang kerana bimbang dengan keselamatan mereka.

Sementara itu, seorang lagi penduduk Mohd Nazri Hamzah, 52, berkata hampir setiap hari penduduk ternampak gajah liar itu

berkeliaran di beberapa kawasan kebun penduduk termasuk di kebunnya.

"Kehadiran gajah liar itu berlaku pertama kali sejak penduduk membuka kebun pisang dan menanam pokok getah 30 tahun lepas...Saya yang terserempak beberapa kali dengan gajah itu termasuk pada waktu siang," katanya.

Jelasnya, perkara tersebut telah dilaporkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan berharap masalah itu diselesaikan secepat mungkin kerana kebanyakan penduduk bergantung kepada hasil tanaman pokok pisang dan kerja menoreh getah sebagai sumber pendapatan mereka. - ©BERNAMA

Gempa bumi kuat landa Timur Kepulauan Sandwich

KUALA LUMPUR, 3 April. - Gempa bumi kuat bermagnitud 6.1 pada skala Richter berlaku di Timur Kepulauan Sandwich Selatan pada 9.16 pagi tadi.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, pusat gempa itu terletak 3,311 kilometer (km) barat daya dari Cape Town, Afrika Selatan pada kedalaman 10 km. Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami kepada Malaysia. - ©BERNAMA

Datuk Seri antara 32 dikompaun berhibur di pusat hiburan

BUKIT MERTAJAM, 3 April. - Seorang ahli perniagaan bergelar "Datuk Seri" antara 32 individu yang dikompaun kerana melanggar prosedur operasi standard (SOP) ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan berhibur di sebuah pusat hiburan di Pusat Perniagaan Gemilang di sini, tengah malam tadi.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) ACP Shafee Abd Samad berkata dalam serbuan pada 12.05 tengah malam itu, kesemua warga tempatan termasuk 10 wanita yang berusia antara 20 dan 60 tahun itu melakukan kesalahan mengikut Peraturan 19 (1) Akta Pencegahan dan Pengawal Penyakit Berjangkit 2021, yang boleh dikenakan kompaun sehingga RM10,000, jika sabit kesalahan.

Menurut Shafee "Datuk Seri" berusia 60 tahun itu ditahan bersama-sama 17 individu ketika sedang berhibur dalam majlis sambutan hari lahir rakan wanitanya di dalam bilik sewa khas di pusat hiburan tersebut.

"Pusat hiburan itu menempatkan beberapa bilik karaoke untuk pengunjung berhibur dan semasa serbuan, ada pelanggan yang sedang berhibur dan menganjurkan sambutan hari lahir di situ," katanya dalam kenyataan hari ini.

Polis turut menahan seorang lelaki warga Bangladesh dan seorang wanita Vietnam di pusat hiburan itu kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri dan melanggar SOP. - ©BERNAMA

LELAKI RUGI RM1.2 JUTA AKIBAT PENIPUAN PELABURAN

JOHOR BAHRU, 3 April. - Seorang lelaki mengalami kerugian RM1.2 juta gara-gara ditipu rakan kongsi perniagaannya yang memperdayakan mangsa untuk membuat pelaburan dalam sektor pelancongan dan hartanah di dalam dan luar negara.

Ketua Polis Johor Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata mangsa berusia 52 itu dikatakan telah menyerahkan wang berkenaan kepada rakan perniagaannya berumur lingkungan 30-an yang dikenalnya

di Kuala Lumpur pada tahun 2019, melalui beberapa transaksi sejak 2019 sehingga 2020.

"Mangsa dijanjikan pulangan dividen dan milikan saham sebuah syarikat sebanyak 23.3 peratus berserta modal perniagaan. "Dia juga dijanjikan akan mendapat keuntungan semula daripada modal yang dilaburkan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Namun, mangsa mula menyedari ditipu apabila individu terbabit menghilangkan diri sebelum

membuat laporan di Balai Polis Johor Jaya, di sini, pada Khamis (1 April).

Menurut Ayob Khan, setakat ini hanya mangsa yang diperdaya individu berkenaan dan siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Justeru beliau mengingatkan orang ramai agar sentiasa peka dengan tawaran pelaburan yang menjanjikan pulangan tinggi terutamanya yang melibatkan transaksi kewangan. - ©BERNAMA

Maqis rampas biji kopi Colombia bernilai lebih RM3 juta tidak patuhi syarat import

SHAH ALAM, 3 April. - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 173,074 kilogram biji kopi dari Colombia bernilai RM3.23 juta kerana tidak mematuhi syarat import di Pelabuhan Klang Utara, pada Khamis lepas.

Pemangku Pengarah MAQIS Selangor Zamri Hisham berkata rampasan itu dibuat selepas menjalankan pemeriksaan rutin pada 11 pagi.

"Hasil pemeriksaan tersebut, mendapati barang dagangan berkenaan ditahan kerana tidak mematuhi syarat import MAQIS sebagaimana yang dinyatakan permit, lesen dan perakuan.

"Ia merupakan kesalahan di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya MAQIS akan terus memperketatkan kawalan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negara bagi memastikan komoditi pertanian mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan. - ©BERNAMA

Pembinaan MRT3 dijangka bermula separuh kedua tahun ini

SUNGAI BULOH, 3 April. - Kerja-karya pembinaan Projek Laluan 3 Aliran Transit Massa (MRT3) yang ditangguhkan oleh kerajaan terdahulu akan dimulakan pada separuh kedua tahun ini.

Sehubungan itu Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata pihaknya telah memberi tempoh tiga bulan kepada Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) untuk melakukan kajian pelaksanaan projek

berkenaan untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

"Dalam mesyuarat Kabinet baru-baru ini, kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan projek MRT3 dan MRT Corp diberi tempoh selama tiga bulan untuk mengemas kini kajian melibatkan jajaran dan kos projek ini," katanya kepada pemberita selepas melakukan pemeriksaan ketersediaan operasi MRT laluan Putrajaya fasa satu dari Stesen MRT Sri Damansara Sentral ke

Stesen MRT Kampung Batu, Kuala Lumpur sepanjang 17.5 kilometer.

Turut hadir Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Abd Rahim Bakri dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Isham Ishak.

Menurut Wee kos projek berkenaan kelak akan diputuskan berdasarkan kajian yang dijalankan oleh MRT Corp dan memberi jaminan kerajaan akan membuat pilihan yang paling menguntungkan dan

memanfaatkan rakyat.

Pada 2018, Menteri Pengangkutan ketika itu Anthony Loke Siew Fook dilaporkan berkata MRT3 ditangguhkan untuk mengurangkan beban hutang kerajaan.

Mengulas mengenai MRT Laluan Putrajaya, Wee berkata projek berkenaan kini 97 peratus siap dan dijangka akan memulakan operasinya pada Ogos depan.

Tambahnya baki tiga peratus projek laluan sepanjang 17.5 kilometer itu kini hanya melibatkan aktiviti pengujian dan pentauliahan

sistem mekanikal dan elektrik serta operasi percubaan.

"Operasi percubaan akan melibatkan bahagian laluan yang akan beroperasi tanpa membawa penumpang," katanya.

Tambah Wee lagi fasa kedua melibatkan baki laluan antara Kampung Batu ke Putrajaya yang sedang berjalan kini di peringkat 87 peratus siap dan dijangka memulakan operasi pada Jan 2023.

Kos keseluruhan pembinaan MRT Laluan Putrajaya ialah RM30.53 bilion. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

PERSEKUTUAN Pencak Silat Kebangsaan Brunei (PERSIB) ditubuhkan pada awal tahun 1986. Pertandingan Olahraga Pencak Silat yang pertama, diadakan di negara ini pada 19 April 1987, sebagai persediaan ke Sukan SEA di Jakarta. Pada 14 Ogos 1987, PERSIB menjemput 20 pegawai dan pesilat dari Indonesia dan bertanding secara persahabatan di keempat-empat daerah.



ePaper Pelita Brunei

PUPUK SEMANGAT BERPASUKAN, BERSAING SECARA SIHAT

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hadir dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang Acara Sukan Tahunan dan Sukan Kemuncak KUPU SB bagi Tahun 2021 (atas dan kanan), manakala gambar bawah, antara acara sukan yang dipertandingkan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 April. - Rumah Merah berjaya membuktikan kehebatan mereka setelah berjaya menewaskan tiga rumah lain sekali gus dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan Acara Sukan Tahunan dan Sukan Kemuncak Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



(KUPU SB) bagi Tahun 2021.

Sementara pasukan Rumah Biru hanya mampu menduduki tempat yang kedua diikuti dengan Rumah Hijau dan Rumah Kuning, masing-masing menduduki tempat ketiga dan keempat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Acara Sukan Tahunan dan Sukan Kemuncak KUPU SB yang diadakan di Padang Belapan Tentera Udara Diraja Brunei itu ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar.

Antara acara sukan yang dipertandingkan, termasuk Perlawanan Bola Sepak, Lontar Lembing, Lontar Peluru, Lompat Jauh, Larian 100 Meter, Larian 400 Meter, Pertandingan Jalan Kaki dan lain-lain lagi.

Terdahulu, acara dimulakan dengan perarakan rumah-rumah yang diiringi dengan barisan Pancaragam Pasukan Kadet Polis, kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Asmaul Husna dan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah

Peliharakan Sultan'.

Objektif acara, termasuk untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan 'Ukhuwah Fillah' sesama pelajar, pensyarah serta kakitangan KUPU SB juga memupuk semangat berpasukan, kerjasama dan bersaing secara sihat juga profesional di antara warga KUPU SB dalam pertandingan rumah-rumah sukan.

Selain itu, bagi mengenal pasti pemain-pemain yang berbakat dan berpotensi untuk mewakili KUPU SB pada pertandingan peringkat universiti, dalam dan luar negara. Seterusnya, meningkatkan motivasi pelajar untuk sentiasa bersemangat dengan melibatkan diri dalam apa jua aktiviti sukan.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Ra'es, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; Pemangku Penolong Ra'es, Datin Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh; Pegawai-pegawai Utama, Pensyarah dan para Mahasiswa KUPU SB.

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Bola Sepak Kebangsaan
Brunei Darussalam

21 sertai Kursus Pengadil Futsal

TUTONG, Sabtu, 3 April. - Bagi mempersiapkan Pengadil Futsal bagi kejohanan ataupun perlawanan yang akan datang, seramai 21 peserta menghadiri Kursus Pengadil Futsal, yang berlangsung selama tiga hari, bermula 2 April lalu.

Kursus anjuran Persatuan Pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (PPBNBD) dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Amatir Daerah Tutong (TDAFA) itu, diadakan di Lanes Hotel, Pekan Tutong.

Kursus dikendalikan oleh Pengarah Jabatan Pengadilan, Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), Awang Razak bin Annuar bersama empat jurulatih teknikal dan kecergasan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi perasmian pembukaan kursus tersebut, Exco NFABD, Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Haji Tajudin.

Turut hadir, Yang Dipertua TDAFA, Awang Haji Takong bin Haji Ahmad; Timbalan Yang Dipertua, Awang Bujang bin Japar; Pengarah Jabatan Pengadilan NFABD dan Yang Dipertua PPBNBD, Awang Haji Hamidon bin Haji Md. Zain.



EXCO Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Haji Tajudin semasa sesi bergambar ramai pada Kursus Pengadil Futsal anjuran Persatuan Pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (PPBNBD) dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Amatir Daerah Tutong (TDAFA).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BENDUNG GEJALA, PERBUATAN MENCURI, MEMUGUT DARIPADA BERLELUASA

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam